PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2007

TINJAUAN KESELURUHAN

KDNK meningkat dengan kukuh pada suku keempat

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku keempat 2007. Permintaan dalam negeri yang teguh yang didorong oleh aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang kukuh, meningkatkan pertumbuhan KDNK benar kepada 7.3%. Ini diperteguh oleh perbelanjaan sektor awam yang terus meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan adalah menyeluruh. Kesemua sektor dalam ekonomi mencatat pertumbuhan yang kukuh. Bagi tahun 2007 secara keseluruhan, KDNK benar meningkat 6.3%.

Pertumbuhan kukuh pada suku keempat 2007 (pada harga malar tahun 2000)



Sektor perkilangan berkembang 5.6% (S3: 3.3%) mencerminkan pertumbuhan kukuh industri berorientasikan dalam negeri. Pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri meningkat 11.1% (S3: 4.6%) disokong oleh prestasi industri kelengkapan pengangkutan, makanan dan minuman serta bahan berkaitan pembinaan yang kukuh. Pengeluaran industri berorientasikan eksport juga meningkat pada suku itu, disokong oleh prestasi sektor elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E) yang bertambah baik, khususnya komputer dan komponen.

Sektor perkhidmatan yang berkembang sebanyak 9.1% terus menjadi pendorong utama pertumbuhan KDNK. Subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran; dan juga subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan terus mencatat pertumbuhan dua angka. Pertumbuhan sektor pembinaan terus meningkat 4.7% pada suku keempat, disokong oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam dan subsektor bukan kediaman.

Sektor pertanian dan perlombongan mencatat prestasi yang teguh pada suku keempat. Keluaran sektor pertanian meningkat 6.9% (S3: 0.7%) berikutan keluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi disebabkan oleh pemulihan dalam kadar hasil. Pertumbuhan sektor pertanian turut disokong oleh keluaran ternakan yang bertambah. Dalam sektor perlombongan pula, peningkatan keluaran minyak mentah sebanyak 7.2% didorong terutamanya oleh pengeluaran yang meningkat daripada telaga minyak laut dalam di Kikeh. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli terus merosot disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lebih rendah.

Permintaan dalam negeri terus kukuh pada suku keempat dan mencatat pertumbuhan sebanyak 9.8% (S3: 12.6%), disokong oleh aktiviti sektor swasta yang

kukuh manakala perbelanjaan sektor awam yang meningkat terus menyokong pertumbuhan. Perbelanjaan penggunaan swasta naik 11.1% disokong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi disebabkan harga komoditi yang tinggi, kenaikan gaji dalam sektor awam dan keadaan pasaran pekerjaan yang stabil. Jualan murah di seluruh negara pada penghujung tahun juga telah merangsang perbelanjaan pengguna. Pembentukan modal tetap kasar terus meningkat 11% (S3: 13.5%). Penunjuk pelaburan swasta, iaitu kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan dan pembinaan serta import barangan modal menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan modal oleh sektor swasta. Kerajaan Persekutuan juga mengeluarkan perbelanjaan pembangunan yang lebih besar untuk disalurkan kepada aktiviti pertanian dan aktiviti ekonomi desa, untuk menambah baik kemudahan awam dan infrastruktur pengangkutan serta menyediakan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 2.2% pada suku akhir 2007 (S3: 1.8%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol, dan sebahagian kecilnya dalam kategori restoran dan hotel, dan pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Dalam sektor luaran, akaun perdagangan mencatat lebihan sebanyak RM28.6 bilion pada suku keempat (S3: RM28.3 bilion). Eksport kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 7.5% (S3: 0.9%), terutamanya hasil daripada eksport komoditi yang lebih tinggi dan pemulihan dalam eksport perkilangan. Trend menaik eksport pertanian berterusan, didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi khususnya harga minyak sawit, ekoran permintaan global yang semakin meningkat dalam keadaan kekurangan bekalan minyak kacang soya di Amerika Syarikat dan minyak biji sesawi di Eropah. Eksport mineral juga terus berkembang pada suku keempat, mencerminkan terutamanya perolehan eksport minyak mentah dan gas asli cecair yang lebih tinggi. Di samping itu, eksport perkilangan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.9% (S3: -2%), didorong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan eksport industri berasaskan sumber yang kukuh serta peningkatan eksport E&E, khususnya komputer dan komponen.

Import kasar meningkat dengan lebih kukuh pada 10.7% (S3: 2%). Kesemua kategori import menunjukkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Import barangan modal (tidak termasuk barangan import besar) meningkat 10%, dirangsang oleh aktiviti dalam sektor pembinaan dan perlombongan yang kukuh. Pengembangan kapasiti dan penambahbaikan dalam sektor perkilangan menyebabkan pengimportan jentera yang lebih banyak. Import barangan pengantara juga mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 13.3%, mencerminkan import barangan input, khususnya untuk sektor E&E dan industri berasaskan sumber. Import barangan penggunaan meningkat 3.6% ekoran import makanan dan minuman serta barangan pengguna yang lebih tinggi.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia (tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport) berjumlah RM3.3 bilion pada suku keempat (S3: RM6.8 bilion). Sejumlah besar daripada FDI disalurkan ke dalam sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas. Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM5.1 bilion (S3: -RM7.1 bilion).

Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6 bilion (S3: -RM21.9 bilion) sebahagian besarnya untuk pembelian bersih sekuriti hutang oleh pelabur asing yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar yang disebabkan oleh pembelian sekuriti ekuiti luar negeri oleh pemastautin.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.7 bilion (bersamaan USD101.3 bilion) pada 31 Disember 2007. Rizab meningkat kepada RM366.8 bilion (bersamaan USD110.9 bilion) pada 15 Februari 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku keempat 2007, sejajar dengan prospek jangka sederhana kestabilan harga secara relatif dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pada masa yang sama, kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang secara relatif stabil pada suku itu. Berhubung dengan kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada suku itu manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun sedikit pada akhir bulan Disember. Kadar deposit pula terus tidak berubah.

Pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta terus meningkat pada suku keempat. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 8.3% pada akhir suku keempat. Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 8.6% pada akhir suku keempat. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan sebanyak 10.4% dan 7.3%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus tinggi.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.5% pada akhir suku keempat. Peningkatan ini mencerminkan aliran masuk bersih perdagangan dan portfolio pada suku itu serta peningkatan dalam perbelanjaan Kerajaan.

Pada suku keempat, dana kasar yang diperoleh lebih tinggi berjumlah RM46.6 bilion. Namun, selepas membuat pelarasan bagi penebusan yang besar, jumlah dana bersih yang diperoleh ialah RM567 juta. Sektor awam mencatat penebusan bersih sebanyak RM5.9 bilion, sementara dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM3.9 bilion. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM3.8 bilion.

Ringgit menjadi lebih kukuh berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku keempat disokong oleh aliran masuk yang berkaitan perdagangan dan aliran masuk portfolio yang baharu. Bagi suku itu secara keseluruhan, ringgit menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dan menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai sehingga awal tahun 2008. Walaupun penurunan pasaran ekuiti global dan kebimbangan mengenai impak kelembapan ekonomi AS terhadap rantau itu menyebabkan ringgit menyusut nilai seketika berbanding dengan dolar AS pada pertengahan bulan Januari, ringgit seterusnya pulih semula berikutan pengurangan sebanyak 75

mata asas dalam kadar *Fed Fund* oleh Federal Reserve AS pada 22 Januari dan pengurangan 50 mata asas lagi pada 30 Januari 2008. Pada tempoh 1 Januari hingga 26 Februari 2008, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan euro masing-masing sebanyak 2.9% dan 2.3%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun sebanyak 0.8%. Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, namun menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand dan rupiah Indonesia masing-masing sebanyak 1.5% dan 0.4%.

Sektor perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang tinggi

Daya tahan sistem perbankan terus tinggi pada suku keempat 2007, disokong oleh permodalan dan keberuntungan yang kukuh. Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) pada 13% dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) pada 9.9% pada akhir suku keempat 2007. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan yang belum diaudit meningkat dengan kukuh sebanyak 21% kepada RM5.2 bilion (S3: RM4.3 bilion). Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi tiga bulan menurun 7.4% lagi kepada RM20.1 bilion pada akhir suku keempat (S3: RM21.7 bilion) untuk mencakupi 3.2% daripada jumlah pinjaman bersih (S3: 3.5%). Ini disebabkan terutamanya oleh penjualan NPL dan pengelasan semula NPL yang lebih banyak kepada status pinjaman berbayar di samping hapus kira berterusan oleh institusi perbankan. Kedudukan kewangan institusi perbankan yang teguh telah meletakkan sistem perbankan pada kedudukan yang kukuh untuk terus menyokong aktiviti ekonomi pada masa hadapan.

Pertumbuhan dijangka terus mapan pada tahun 2008

Meskipun pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana, kekukuhan permintaan dalam negeri yang berterusan di negara-negara sedang pesat membangun, khususnya di rantau Asia, dijangka menyokong pertumbuhan global. Negara pengeluar komoditi, khususnya, akan terus mendapat manfaat daripada harga komoditi yang tinggi. Prospek pertumbuhan bagi ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan. Permintaan dalam negeri yang meningkat akan terus memberikan sokongan yang kuat kepada ekonomi negara. Aktiviti penggunaan dijangka terus berdaya tahan memandangkan keadaan pasaran pekerja yang teguh dan harga komoditi yang tinggi. Aktiviti perniagaan dan pelaburan swasta terus berkembang bersama-sama dengan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Penunjuk jangka masa terdekat dan juga indeks pelopor enam bulan terlicin Jabatan Perangkaan Malaysia terkini menyarankan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berdaya tahan pada tahun 2008.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2007

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi beberapa negara perindustrian utama menjadi sederhana manakala momentum pertumbuhan ekonomi Asia berterusan

Prestasi pertumbuhan global pada suku keempat 2007 bercampur-campur, dengan kebanyakan ekonomi perindustrian mengalami penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi manakala ekonomi rantau Asia mengekalkan momentum pertumbuhan. Di **Amerika Syarikat** (AS), anggaran awal menunjukkan bahawa pertumbuhan menurun kepada 0.6% pada suku keempat (S3: 4.9%) berikutan pengurangan berterusan dalam pelaburan perumahan dan sumbangan eksport bersih yang lebih rendah kepada KDNK. Walau bagaimanapun, pertumbuhan masih disokong oleh perbelanjaan pengguna yang meningkat dengan sederhana sebanyak 2% (S3: 2.8%).

Sementara itu di **Jepun**, KDNK berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 3.7% pada suku keempat (S3: 1.3%), disokong oleh penggunaan swasta, pelaburan dan eksport. Pertumbuhan positif dicatat oleh jualan runcit dan perbelanjaan sektor isi rumah. Eksport berterusan disebabkan terutamanya oleh permintaan daripada ekonomi negara selain AS. Aktiviti pelaburan pula meningkat dengan nyata ekoran perbelanjaan modal yang lebih besar. Kadar inflasi pula meningkat pada suku keempat, buat kali pertama tahun ini selepas mencatat penurunan selama tiga suku berturut-turut, disebabkan oleh kenaikan harga keluaran berkaitan tenaga.

Pertumbuhan ekonomi di **kawasan euro** menjadi sederhana pada suku keempat kepada 2.3% (S3: 2.7%), namun terus melebihi paras potensinya. Pertumbuhan pada suku itu agak terbatas akibat pertumbuhan di Jerman, Perancis dan Itali yang lebih lemah. Jerman mencatat penurunan yang ketara pada suku keempat (S4: 1.8%; S3: 2.4%) memandangkan peningkatan pelaburan dan eksport bersih telah diimbangi oleh kemerosotan aktiviti penggunaan. Pertumbuhan di Perancis juga terjejas akibat pengurangan dalam eksport dan kemerosotan perbelanjaan pengguna. Sementara itu di **UK**, pertumbuhan menurun kepada 2.9% disebabkan pengembangan sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan yang lebih perlahan. Pengeluaran perindustrian juga menurun, dengan kadar pertumbuhan yang mendatar dalam sektor perkilangan.

Di **AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) mengurangkan kadar faedah ekoran pertimbangan mengenai kelembapan ekonomi AS yang lebih buruk. Pada suku keempat 2007, FOMC mengurangkan kadar faedah sebanyak 50

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	2.1	2.9	4.9	0.6[a]	2.2[a]	Pertumbuhan sederhana dalam perbelanjaan pengguna di samping pelaburan perumahan yang terus menurun.
UK	3.3	2.9	3.3	2.9	3.1	Perkembangan sederhana dalam perkhidmatan perniagaan dan sektor kewangan.
Kawasan euro	3.2	2.9	2.7	2.3[p]	2.7[p]	Pertumbuhan lebih perlahan di Jerman, Perancis dan Itali. Kejatuhan yang ketara dalam perbelanjaan pengguna di Jerman dan Perancis.
Jepun[1]	4.2[r]	2.4	1.3[r]	3.7[p]	2.1	Disokong oleh permintaan dalam negeri, disebabkan terutamanya peningkatan dalam aktiviti pelaburan, dan prestasi eksport yang menggalakkan.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] Anggaran awal
[r] Dikaji semula
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

mata asas. Pada awal tahun 2008, FOMC mengurangkan kadar faedah sebanyak 125 mata asas lagi, termasuk pengurangan sebanyak 75 mata asas, yang merupakan pengurangan antara mesyuarat yang tidak mengikut jadual yang terbesar pernah dicatatkan. Pendirian dasar kewangan lebih menjurus kepada mengurangkan risiko yang semakin meningkat berhubung dengan kemerosotan pertumbuhan ekonomi yang lebih buruk kerana keadaan kredit yang lebih ketat bagi sektor isi rumah dan perniagaan serta tekanan dalam sistem dan pasaran kewangan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
R.R. China	10.4	11.1	11.5	11.2	11.4	Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang memberangsangkan walaupun mengalami pengurangan dalam permintaan luaran.
Singapura	6.6	8.2	8.9	5.4	7.7	Prestasi yang positif dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan menyokong pertumbuhan.
Filipina	5.5	5.4	7.4	7.4	7.3	Didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh.
Indonesia	6.1	5.5	6.5	6.2	6.3	Disebabkan oleh pernintaan dalam negeri dan eksport komoditi yang kukuh.
China Taipei	4.0	4.9	6.9	6.4	5.7	Pertumbuhan didorong oleh prestasi eksport yang teguh.
Korea	4.0	5.0	5.2	5.5	4.9	Pertumbuhan didorong oleh prestasi memberangsangkan dalam sektor perkilangan.
Thailand	4.2	5.1	4.9	5.7	4.8	Perkembangan didorong oleh prestasi eksport dan permintaan dalam negeri yang kukuh.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Sementara itu, di negara perindustrian lain, tekanan inflasi terus menjadi perkara yang penting meskipun risiko terhadap pertumbuhan semakin bertambah. **European Central Bank** mengekalkan kadar dasar pada suku keempat 2007. **Bank of England** pula mengurangkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada suku keempat 2007 dan sekali lagi sebanyak 25 mata asas pada mesyuarat bulan Februari 2008 kerana berhadapan dengan tekanan daripada ekonomi yang semakin lembap dan sektor kewangan yang bertambah lemah. Sementara itu, **Bank of Japan** mengekalkan kadar faedah pada 0.5% walaupun terdapat kenaikan harga pengguna secara beransur-ansur memandangkan permintaan luar negeri yang lebih lemah telah meningkatkan risiko kepada pertumbuhan ekonomi.

Harga minyak mentah global naik ke paras tertinggi baharu pada suku keempat 2007 berikutan kebimbangan berhubung dengan bekalan pada musim sejuk dan kelemahan dolar AS. Bagi tahun 2007 keseluruhannya, harga minyak mentah naik 9.2% dengan harga purata pada USD72.32 setong (purata tahun 2006: USD66.23 setong) dan mencapai harga antara hari tertinggi yang baharu pada USD100.09 setong pada 3 Januari 2008.

Aktiviti ekonomi di **rantau Asia** terus teguh pada suku keempat, dengan dipacu oleh Republik Rakyat China (RR China) yang mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 11.2%. Momentum pertumbuhan di rantau ini disokong terutamanya oleh pertambahan permintaan dalam negeri dalam keadaan permintaan luaran yang lebih lemah ekoran kelembapan ekonomi AS. Biarpun inflasi terus merupakan perkara penting bagi kebanyakan negara serantau, kebanyakan bank pusat serantau telah mengekalkan kadar dasar manakala beberapa bank pusat mengurangkan kadar dasar bagi menangani isu-isu khusus buat sesebuah negara.

Dalam **pasaran pertukaran wang asing**, dolar AS mengakhiri suku keempat dengan lebih lemah berbanding dengan mata wang utama lain. Prestasi dolar terutamanya terjejas oleh jangkaan kelembapan

ekonomi AS yang lebih buruk dan jangkaan pengurangan kadar faedah seterusnya oleh Federal Reserve. Dolar AS terus mencecah paras terendah dalam masa beberapa tahun berbanding dengan yen Jepun kesan daripada pelupusan kedudukan perdagangan *carry trade* (pelabur meminjam dalam mata wang dengan kadar faedah rendah dan melabur dalam mata wang dengan kadar pulangan yang tinggi) dalam yen. Mata wang serantau juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku itu disebabkan oleh aliran masuk perdagangan dan portfolio yang kukuh.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana, mencerminkan kelembapan beberapa ekonomi perindustrian utama dan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Meskipun keadaan ekonomi global kurang menggalakkan, pertumbuhan ekonomi serantau terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh, sementara harga komoditi yang tinggi akan terus menjadi dorongan tambahan kepada negara pengeluar komoditi di rantau ini.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi terus mencapai pertumbuhan mapan

KDNK benar meningkat 7.3% pada suku keempat 2007 (S3: 6.6%), dengan kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang kukuh. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih teguh dengan pengembangan kukuh dalam industri berorientasikan dalam negeri dan peningkatan dalam subsektor elektronik dan elektrik (eletronics and electrical, E&E). Permintaan dalam negeri yang mampan dan aktiviti perniagaan yang memberangsangkan menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan. Sektor komoditi juga menunjukkan prestasi yang lebih baik. Pertumbuhan sektor pertanian yang lebih tinggi dipacu oleh kitaran hasil menaik dalam pengeluaran minyak sawit mentah, manakala aktiviti perlombongan disokong oleh pengembangan pengeluaran minyak mentah daripada medan minyak baharu di Kikeh. Sementara itu, pertumbuhan sektor pembinaan terus mapan disokong oleh pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Tahun 2000[1]

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.1	5.2	0.7	6.9	2.2
Perlombongan	2.1	-0.4	2.3	3.5	3.2
Perkilangan	4.0	7.1	3.3	5.6	3.1
Pembinaan	0.6	-0.5	4.7	4.7	4.6
Perkhidmatan	8.0	7.2	10.5	9.1	9.7
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.7**	**5.9**	**6.6**	**7.3**	**6.3**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Suku Sebelumnya)	**0.5**	**5.9**	**4.8**	**1.2**	**6.3**

[1] KDNK telah ditukar daripada harga asas tahun 1987 ke harga asas tahun 2000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan didorong oleh industri berorientasikan dalam negeri

Nilai ditambah **sektor perkilangan** meningkat 5.6% pada suku keempat 2007 (S3: 3.3%), disokong oleh pengembangan kukuh dalam industri berorientasikan dalam negeri sejajar dengan keadaan permintaan dalam negeri yang mapan dan dibantu oleh prestasi subsektor E&E yang bertambah baik.

Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** mencatat pertumbuhan lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam subsektor E&E (5.9%; S3: 2.1%). Pertumbuhan dalam industri E&E disebabkan oleh prestasi kukuh segmen komputer dan komponen (16.4%; S3:-0.1%) sejajar dengan permintaan yang lebih baik dari AS. Industri berasaskan sumber, khususnya industri pemprosesan di luar estet dan keluaran petroleum juga mencatat prestasi lebih baik pada suku keempat sejajar dengan pengembangan dalam aktiviti huluan. Namun, pertumbuhan dalam industri kimia dan keluaran kimia adalah lembap disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam pengeluaran gas perindustrian.

Keluaran **industri berorientasikan dalam negeri** meningkat dengan kukuh pada suku itu disokong oleh prestasi industri kelengkapan pengangkutan yang lebih baik serta peningkatan kukuh dalam industri makanan dan minuman. Industri kelengkapan pengangkutan kembali pulih (17.6%; S3: -0.6%) sejajar dengan pertambahan jualan kenderaan bermotor baharu (19%; S3: 4.9%) Pertumbuhan juga disokong oleh peningkatan pengeluaran alat ganti dan aksesori kelengkapan kenderaan bermotor dan enjin (27.6%; S3: 3.9%). Momentum pertumbuhan dalam sektor

Prestasi Sektor Perkilangan

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (Harga Malar)	**4.0**	**7.1**	**3.3**	**5.6**	**3.1**
Pengeluaran Keseluruhan	**5.3**	**7.5**	**1.9**	**4.9**	**1.9**
Industri berorientasikan eksport	**4.3**	**7.5**	**1.3**	**3.5**	**0.7**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	1.9	7.9	2.1	5.9	-0.9
Elektronik	4.5	11.8	3.9	10.4	1.5
Barangan elektrik	-5.5	-2.9	-3.9	-8.6	-8.5
Bahan kimia dan keluaran kimia	-0.6	3.2	0.3	-1.5	1.7
Keluaran petroleum[1]	12.8	13.6	1.9	3.6	5.4
Tekstil, pakaian dan kasut	1.5	6.1	-5.9	-11.3	-9.7
Kayu dan keluaran kayu[2]	9.7	3.8	0.1	-0.4	1.3
Keluaran getah	15.2	7.2	3.4	0.5	5.6
Pemprosesan di luar estet	9.6	5.7	-0.3	12.2	-0.5
Industri berorientasikan dalam negeri	**9.9**	**7.2**	**4.6**	**11.1**	**6.8**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	9.2	3.3	0.0	1.1	0.5
Besi & keluli dan logam bukan ferum	20.5	3.0	13.6	15.2	14.8
Makanan	9.7	6.7	0.1	6.7	7.2
Kelengkapan pengangkutan	-14.0	-1.5	-0.6	17.6	-5.5
Keluaran logam yang direka	30.1	26.5	15.0	18.5	19.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**5.7**	**10.1**	**-2.0**	**2.9**	**0.3**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	1.7	6.4	-5.6	-2.2	-4.2
Bahan kimia dan keluaran kimia	17.6	10.7	3.2	8.8	13.7
Keluaran petroleum	2.5	27.2	-5.7	42.7	3.6
Keluaran kayu	26.8	16.7	-17.4	-23.7	-6.3
Barangan perabot	7.6	7.9	1.0	1.5	5.9
Keluaran getah	30.8	34.3	1.3	19.5	13.2

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport
[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penggunaan Kapasti dalam Sektor Perkilangan *



* Mulai tahun 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

pembinaan memberi manfaat kepada industri bahan pembinaan yang berkaitan seperti besi dan keluli, dan keluaran logam yang direka. Namun, prestasi keluaran galian bukan logam terjejas oleh penurunan dalam pengeluaran kaca berikutan penguncupan pasaran televisyen tiub sinar katod.

Pada suku keempat secara keseluruhan, sektor perkilangan beroperasi pada kadar penggunaan kapasiti 77% dengan industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada purata 79% dan 70%.

Pertumbuhan kukuh dalam sektor perkhidmatan berterusan

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.1% pada suku keempat, disokong oleh subsektor perkhidmatan pengantara dan akhir. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran terus menjadi pemacu penting pertumbuhan, dengan pengembangan dua angka.

Subsektor **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mendapat manfaat daripada peningkatan dalam aktiviti pemberian pinjaman dan pertumbuhan pendapatan berasaskan fi serta aktiviti perniagaan berikutan prestasi pasaran ekuiti yang menggalakkan. Pada suku itu, prestasi segmen insurans juga bertambah baik, khususnya segmen insurans hayat.

Pertumbuhan terus dijana daripada bidang pertumbuhan baharu seperti perkhidmatan IT, perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (shared services and outsourcing, SSO) serta perkhidmatan profesional dan khidmat rundingan. Sebanyak 12 syarikat SSO baharu telah mendapat status MSC pada suku keempat (S3: lima syarikat).

Pertumbuhan dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran** telah didorong oleh aktiviti penggunaan dalam negeri dan pelancongan yang meningkat, seperti dicerminkan oleh pertambahan dalam jumlah ketibaan pelancong, import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit. Pertambahan dalam ketibaan pelancong adalah hasil daripada penganjuran acara-acara bersempena Tahun Melawat Malaysia 2007, manakala harga komoditi yang tinggi dan kenaikan gaji dalam sektor awam telah menyokong peningkatan perbelanjaan pengguna dalam negeri. Pada suku ini, sektor perdagangan automotif pulih selepas mengalami tempoh kelembapan yang panjang disebabkan permintaan terpendam untuk bertukar kereta dan juga permintaan daripada pemilik kereta pertama kali berikutan pelancaran model-model kereta baharu.

Sementara itu, subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** terus mencatat prestasi menggalakkan, diterajui oleh segmen pengangkutan ekoran pertambahan aktiviti pengangkutan udara dan laut. Pengembangan dalam industri telekomunikasi mencerminkan peningkatan penggunaan data dan khidmat pesanan suara serta pertambahan dalam jumlah pelanggan telefon selular. Subsektor **utiliti** mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi berikutan kenaikan dalam permintaan sektor isi rumah terhadap elektrik dan juga permintaan yang berterusan daripada subsektor industri dan komersial.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2006	2006		2007		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**42.8**	**9.5**	**7.6**	**12.6**	**10.1**	**12.0**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	14.2	6.8	6.0	10.1	9.9	8.5
Pengangkutan & penyimpanan	*7.0*	*6.7*	*5.2*	*13.1*	*12.7*	*10.2*
Komunikasi	*7.2*	*6.8*	*6.8*	*7.1*	*7.1*	*6.9*
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	28.6	10.8	8.4	13.9	10.2	13.7
Kewangan & insurans	*19.8*	*8.8*	*7.7*	*8.8*	*9.8*	*10.7*
Harta tanah & perkhidmatan Perniagaan	*8.8*	*15.6*	*9.9*	*25.1*	*11.0*	*20.6*
Perkhidmatan Akhir	**57.2**	**7.0**	**7.0**	**8.9**	**8.4**	**7.9**
Elektrik, gas & air	5.9	6.2	5.2	2.9	4.4	4.0
Perniagaan borong & runcit, penginapan dan restoran	26.6	6.4	6.9	14.5	12.5	12.0
Perniagaan borong & runcit	*22.3*	*6.0*	*7.1*	*14.9*	*12.5*	*12.2*
Penginapan & restoran	*4.2*	*9.1*	*6.0*	*12.4*	*12.3*	*10.9*
Perkhidmatan Kerajaan	13.6	10.6	9.8	3.8	4.2	4.2
Perkhidmatan lain	11.1	4.5	4.7	4.9	5.4	5.0
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**8.0**	**7.2**	**10.5**	**9.1**	**9.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2006	2007			
	S4	S1	S2	S3	S4
	Peratusan pada akhir tempoh (%)				
Kadar penembusan telefon bimbit	72.3	77.0	78.2	80.8	85.1
Kadar penembusan pelanggan internet	14.0	14.0	14.2	14.3	14.3
Kadar penembusan pelanggan jalur lebar	3.3	3.7	4.1	4.5	5.0
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	110.9	124.1	115.9	117.5	110.7
Indeks Perdagangan Runcit MIER	99.2	118.8	129.5	145.9	141.2
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	127.2	133.8	131.6	131.1	133.6
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	14.9	12.8	7.1	6.9	7.0
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	12.0	10.1	-0.2	6.1	7.1
Import barangan penggunaan	12.1	8.9	1.1	1.2	3.6
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-24.7	-15.3	-9.1	4.9	19.0
Kargo laut yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	18.7	18.5	12.2	9.7	14.4

Sumber: Pelbagai Sumber

Prestasi sektor komoditi lebih kukuh

Pertumbuhan pengeluaran sektor pertanian dan perlombongan lebih kukuh pada suku keempat. Sektor pertanian meningkat 6.9% berikutan pertumbuhan yang kukuh dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Sektor perlombongan pula berkembang 3.5% disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah yang lebih ketara.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah pulih dan berkembang 12.9%, yakni suku pertama yang mencatat pertumbuhan positif setelah mengalami kemerosotan selama tiga suku berturut-turut. Pemulihan dalam pengeluaran didorong oleh peningkatan yang nyata dalam hasil tandan buah segar sebanyak 8.9% pada suku keempat kepada purata 5.48 tan sehektar (S4 2006: 5.03 tan sehektar). Pertumbuhan sektor pertanian turut disumbangkan oleh pengeluaran hasil ternakan, khususnya ternakan ayam yang lebih tinggi berikutan permintaan dalam negeri yang kukuh semasa musim perayaan pada suku itu. Sementara itu, keluaran getah terus merosot (-7.1%; S3: -11%) disebabkan hujan yang berpanjangan di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia telah menjejaskan aktiviti menoreh.

Dalam **sektor perlombongan**, pengeluaran minyak mintah mentah (termasuk kondensat) berkembang dengan kukuh sebanyak 7.2% kepada 728,578 tong sehari. Pertumbuhan lebih tinggi ini didorong sepenuhnya oleh peningkatan ketara dalam pengeluaran minyak mentah di Sabah kepada 123,962 tong sehari (S4 2006: 79,544 tong sehari), berikutan kapasiti pengeluaran yang lebih tinggi di telaga minyak di Kikeh, yang mula beroperasi pada bulan Ogos 2007. Sementara itu, pengeluaran gas asli merosot 2.2% berikutan permintaan luar negeri terhadap gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG) yang lebih rendah.

Prestasi Sektor Pertanian

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**5.1**	**5.2**	**0.7**	**6.9**	**2.2**
Tanaman Industri	4.3	4.1	-1.9	7.8	0.4
Tanaman Makanan	6.3	6.8	4.7	5.5	4.9
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	10.7	6.1	-0.1	12.9	-0.4
Minyak isirong sawit mentah	14.7	6.1	-6.7	8.9	-2.5
Getah	12.1	14.0	-11.0	-7.1	-6.4
Biji koko	-19.9	14.2	21.8	29.9	10.2
Ikan	5.6	11.4	-2.6	4.9	0.2
Ternakan	14.0	18.0	2.7	6.5	9.9
Eksport (RM juta)	**22.1**	**12.5**	**29.9**	**40.2**	**25.0**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	20.9	7.2	-3.0	5.6	-3.5
(RM/tan)	14.7	6.0	63.0	57.4	53.4
(RM juta)	38.6	13.7	58.2	66.2	48.1
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	15.4	-10.1	-4.4	26.7	17.7
(RM/tan)	-9.9	-16.1	56.8	78.9	42.0
(RM juta)	3.9	-24.6	49.9	126.7	67.1
Getah					
('000 tan)	1.4	1.3	-1.8	-9.7	-10.9
(Sen/kilogram)	11.1	40.5	-12.5	14.0	0.0
(RM juta)	12.7	42.3	-14.0	2.9	-10.9
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	5.2	-9.9	-7.0	-26.5	-10.8
(RM/meter padu)	4.1	18.8	3.4	-0.5	4.3
(RM juta)	9.5	7.0	-3.8	-26.9	-6.9
Kayu balak					
('000 meter padu)	-3.2	-17.1	13.0	-12.0	-2.7
(RM/meter padu)	7.2	10.7	-4.5	-7.6	-4.0
(RM juta)	3.8	-8.3	8.0	-18.7	-6.6
Biji koko					
('000 tan)	-8.2	45.8	15.7	156.6	31.9
(RM/tan)	10.1	3.7	29.7	19.1	16.0
(RM juta)	1.1	51.2	50.0	205.6	53.0

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu dan ternakan dalam jumlah yang disembelih (Semenanjung Malaysia sahaja)

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**2.1**	**-0.4**	**2.3**	**3.5**	**3.2**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-6.5	-5.2	4.4	7.2	4.3
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	4.4	-0.4	-0.8	-2.2	1.4
Eksport (RM juta)	**0.5**	**8.6**	**6.6**	**23.6**	**8.1**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	-8.1	-8.0	-2.0	3.8	0.6
(USD/tong)	4.2	21.3	4.6	37.7	10.1
(RM juta)	-8.0	8.1	-3.2	32.4	3.5
Gas asli cecair					
('000 tan)	1.8	-1.9	1.6	-3.7	5.3
(RM/tan)	8.7	14.2	10.0	12.5	6.7
(RM juta)	10.7	12.0	11.8	8.3	12.3

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Momentum pertumbuhan sektor pembinaan berterusan

Pertumbuhan dalam sektor **pembinaan** terus mapan pada 4.7% pada suku keempat (S3: 4.7%), mencerminkan aktiviti dalam subsektor **kejuruteraan awam** yang giat berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertumbuhan sektor ini turut disokong oleh segmen **bukan kediaman**, disebabkan terutamanya oleh pembinaan ruang pejabat dibina khas, khususnya di Lembah Kelang. Segmen **kediaman** juga mencatat pertumbuhan positif pada suku itu.

Penunjuk Pembinaan

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baharu	-2.7	-17.6	10.6	-3.1	2.0
Kelulusan perumahan	-20.0	-23.2	-4.7	-6.0	-11.5
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	12.8	3.2	4.4	5.9	5.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	73.2	12.9	38.8	27.7	55.9
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-8.2	7.8	-2.0	58.2[1]	13.8[2]

[1] Oktober-November 2007
[2] Januari-November 2007

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus kukuh

Permintaan dalam negeri terus kukuh, dengan pengembangan sebanyak 9.8% pada suku keempat, didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Sektor awam pula terus menyokong pertumbuhan sambil mematuhi program pengukuhan fiskal diteruskan.

Aktiviti **penggunaan swasta** terus memberangsangkan dengan pertumbuhan dua angka (11.1%) buat tiga suku berturut-turut. Perbelanjaan pengguna yang teguh disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi disebabkan harga komoditi yang kukuh, kenaikan gaji kakitangan awam dan pasaran pekerjaan yang stabil. Hampir kesemua penunjuk penggunaan utama menunjukkan trend menaik. Khususnya, perbelanjaan kad kredit, jualan kereta penumpang, dan pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor isi rumah mencatat pertumbuhan dua angka yang tinggi pada suku itu. Jualan akhir tahun di seluruh negara juga memberikan rangsangan tambahan kepada perbelanjaan pengguna. Sungguhpun Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) lebih rendah pada suku keempat, namun ia masih melebihi paras ambang 100 mata, yang menyarankan pandangan optimistik sektor isi rumah berhubung dengan jangkaan pendapatan dan prospek pekerjaan. Ini turut disokong oleh prestasi kukuh pasaran ekuiti dalam negeri. **Penggunaan awam** berkembang 4.4% berikutan perbelanjaan yang terus tinggi terhadap emolumen dan bekalan dan perkhidmatan pada suku itu.

Sementara itu, **pembentukan modal tetap kasar** mencatat pertumbuhan sebanyak 11% (S3: 13.5%). Penunjuk pelaburan utama seperti pinjaman yang diluluskan kepada sektor perkilangan dan pembinaan serta import barangan modal meningkat dengan kukuh, yang menunjukkan bahawa aktiviti pelaburan terus mapan. Kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor perkilangan dan sentimen perniagaan yang positif seperti

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.1	7.0	12.6	9.8	10.5
Penggunaan	6.2	6.6	12.2	9.4	10.6
Sektor swasta	*7.0*	*7.1*	*14.0*	*11.1*	*11.7*
Sektor awam	*4.1*	*5.0*	*5.3*	*4.4*	*6.4*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	9.8	7.9	13.5	11.0	10.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	5.2	7.4	2.5	7.4	3.7
Import Barangan dan Perkhidmatan	5.0	8.6	1.9	9.6	4.1
KDNK	**5.7**	**5.9**	**6.6**	**7.3**	**6.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen Pengguna dan Keyakinan Perniagaan Kekal Mampan



yang ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang kekal melebihi paras ambang 100 mata, menjadi faktor penyokong tambahan kepada peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan. Pelaburan sektor awam juga meningkat, dengan Kerajaan Persekutuan mempercepatkan lagi pengeluaran perbelanjaan pembangunan. Sejumlah besar daripada perbelanjaan ini disalurkan kepada pembangunan pertanian dan desa, penambahbaikan utiliti awam dan infrastruktur pengangkutan serta penyediaan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

Inflasi pada kadar purata 2.2%

Inflasi Indeks Harga Pengguna purata meningkat kepada 2.2% pada suku akhir 2007(S3: 1.8%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol dan sebahagian kecilnya dalam kategori restoran dan hotel, dan pelbagai barangan dan perkhidmatan. Harga makanan naik 3.7% (S3: 2.7%) berikutan kenaikan harga beras, roti dan bijiran lain; daging; ikan dan makanan laut; susu, keju dan telur; dan makanan di luar rumah. Walau bagaimanapun, impak terhadap inflasi secara keseluruhan telah dikurangkan sebahagiannya oleh inflasi yang rendah dalam kategori minuman keras dan tembakau selepas luputnya kesan kenaikan duti eksais terhadap minuman keras dan tembakau yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2007. Penurunan harga turut dicatat oleh kategori pakaian dan kasut, dan komunikasi.

Inflasi harga pengeluar meningkat kepada 10% pada suku keempat (S3: 5.8%), didorong terutamanya oleh kenaikan harga dalam sektor berkaitan komoditi disebabkan harga antarabangsa bagi komoditi meningkat pada suku itu. Di samping itu, harga dalam sektor bukan komoditi meningkat 4.1% (S3: 3.7%), disebabkan harga yang lebih tinggi dalam kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan; dan kimia dan keluaran berkaitan.

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja masih menggalakkan



Keadaan pasaran pekerja pada suku keempat 2007 masih menggalakkan. Permintaan terhadap pekerja masih lagi tinggi, dengan bilangan kekosongan jawatan melebihi kadar pemberhentian pekerja. Di samping itu, produktiviti pekerja dalam sektor perkilangan pulih kembali dan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.4% selepas mengalami pertumbuhan negatif selama empat suku berturut-turut. Walaupun Indeks Guna Tenaga MIER menurun pada suku keempat, namun ia masih melebihi paras ambang 100 mata, menunjukkan bahawa jangkaan pendapatan dan prospek guna tenaga yang masih optimistik.

Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) adalah tinggi pada 219,179 jawatan (S3: 226,036 jawatan), dengan kebanyakan jawatan kosong dilaporkan dalam sektor perkilangan (34%), pertanian (30%) dan perkhidmatan (24%). Jawatan kosong yang diiklankan melalui ELX adalah untuk pekerjaan asas (53%) seperti buruh dan pekerja am dalam sektor perkilangan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan, serta pekerjaan yang memerlukan kepakaran sederhana hingga tinggi (47%) seperti pengurus, pekerja pekeranian, pekerja perkhidmatan dan jualan.

Sebanyak 4,345 orang diberhentikan pada suku keempat (S3: 1,308 orang), yang terutamanya dalam sektor perkilangan, khususnya industri E&E (43% daripada jumlah pemberhentian). Sektor perkhidmatan mencakupi bahagian sebanyak 28% lagi daripada pemberhentian dan ini terutamanya daripada segmen perdagangan pengagihan, hotel, restoran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (17% daripada jumlah pemberhentian). Pemberhentian pada suku ini kebanyakannya masih lagi melibatkan pekerja-pekerja berkemahiran sederhana dan rendah, seperti pekerja pengeluaran serta pekerja perkhidmatan dan jualan.

Produktiviti pekerja dalam sektor perkilangan yang diukur dari segi nilai jualan benar bagi setiap pekerja meningkat 0.4% pada suku keempat (S3: -2.5%) berikutan pertumbuhan jualan yang lebih tinggi. Peningkatan produktiviti pekerja dalam industri berorientasikan eksport terus lemah tetapi mencatat penguncupan lebih kecil (-1.3%; S3: -4.7%) disebabkan terutamanya oleh prestasi lebih baik dalam industri petroleum. Namun begitu, produktiviti pekerja dalam industri berorientasikan dalam negeri meningkat lagi (9.2%; S3: 8.2%), didorong oleh pertumbuhan jualan yang kukuh (17.9%), khususnya bagi industri makanan, minuman, pengangkutan dan industri berkaitan pembinaan. Sementara itu, upah benar meningkat dengan sederhana kepada 2.1% (S3: 4.3%), disebabkan oleh pengurangan dalam pengambilan pekerja.

Pertumbuhan eksport dan import lebih kukuh

Akaun perdagangan mencatat lebihan sebanyak RM28.6 bilion (S3: RM28.3 bilion). Pertumbuhan eksport sebanyak 7.5% (S3: 0.9%) sebahagian besarnya mencerminkan eksport pertanian dan mineral yang lebih tinggi. Sementara itu pertumbuhan import lebih kukuh sebanyak 10.7% (S3: 2%) disebabkan import barangan pengantara dan modal yang lebih tinggi.

Imbangan Perdagangan



Eksport kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 7.5% pada suku keempat 2007 (S3: 0.9%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam eksport komoditi dalam keadaan kenaikan harga komoditi serta pemulihan dalam eksport perkilangan.

Akaun Perdagangan

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**6.6**	**10.3**	**0.9**	**7.5**	**2.7**
Perkilangan	*5.7*	*10.1*	*-2.0*	*2.9*	*0.3*
Pertanian	*22.1*	*12.5*	*29.9*	*40.2*	*25.0*
Mineral	*0.5*	*8.6*	*6.6*	*23.6*	*8.1*
Import Kasar	**6.8**	**10.8**	**2.0**	**10.7**	**4.9**
Barangan modal	*4.1*	*7.4*	*17.5*	*17.7*	*7.3*
Barangan pengantara	*7.1*	*8.8*	*-0.7*	*13.3*	*6.8*
Barangan penggunaan	*12.1*	*13.4*	*1.2*	*3.6*	*3.6*
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**30.2**	**108.2**	**28.3**	**28.6**	**100.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport barangan perkilangan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.9% (S3: -2%), didorong oleh pertumbuhan yang kukuh bagi industri berasaskan sumber tertentu di samping eksport E&E yang bertambah baik kerana peningkatan dalam permintaan terhadap komputer dan komponen dari AS. Manakala itu, eksport separa konduktor tumbuh pada kadar sederhana disebabkan oleh kelembapan permintaan dari Kesatuan Eropah. Eksport produk berasaskan sumber seperti petroleum dan getah mencatat prestasi memberangsangkan disokong oleh harga yang lebih tinggi.

Momentum pertumbuhan **eksport pertanian** terus kukuh disebabkan terutamanya oleh perolehan eksport minyak sawit yang sangat tinggi (66.2%) hasil daripada kenaikan harga. Harga minyak sawit naik dengan kukuh kepada RM2,630 setan, yang merupakan kenaikan lebih daripada RM1,000 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2006. Kenaikan harga ialah hasil daripada permintaan global yang semakin meningkat terhadap minyak sawit dalam keadaan kekurangan bekalan minyak kacang soya di AS dan minyak biji sesawi di Eropah. Pertumbuhan juga disokong oleh peningkatan eksport getah yang mendapat manfaat daripada harga yang lebih tinggi.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2006		2007			2006		2007			2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion					Bahagian drpd. jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**27.8**	**110.6**	**24.5**	**23.4**	**94.5**	**18.3**	**18.8**	**15.5**	**14.3**	**15.6**	**1.0**	**5.3**	**-18.6**	**-15.8**	**-14.5**
Kesatuan Eropah	**21.1**	**74.9**	**20.3**	**20.4**	**77.8**	**13.9**	**12.7**	**12.8**	**12.5**	**12.9**	**20.5**	**19.7**	**0.5**	**-3.3**	**3.5**
Negara ASEAN terpilih[1]	**37.5**	**152.5**	**39.6**	**43.1**	**154.3**	**24.7**	**25.9**	**25.0**	**26.4**	**25.5**	**2.2**	**10.7**	**-0.6**	**15.0**	**1.2**
Negara Timur Laut Asia	**28.2**	**109.1**	**31.0**	**33.6**	**120.5**	**18.5**	**18.5**	**19.6**	**20.5**	**19.9**	**4.4**	**10.0**	**4.9**	**19.1**	**10.4**
Republik Rakyat China	*11.7*	*42.7*	*14.6*	*15.5*	*53.0*	*7.7*	*7.2*	*9.2*	*9.5*	*8.8*	*11.9*	*21.1*	*15.0*	*32.5*	*24.3*
Hong Kong SAR	*6.8*	*29.1*	*7.3*	*7.7*	*28.0*	*4.5*	*4.9*	*4.6*	*4.7*	*4.6*	*-12.6*	*-6.6*	*-2.1*	*13.1*	*-4.0*
China Taipei	*4.1*	*16.0*	*4.2*	*4.2*	*16.5*	*2.7*	*2.7*	*2.7*	*2.6*	*2.7*	*2.8*	*8.3*	*-7.5*	*1.6*	*2.6*
Korea	*5.5*	*21.3*	*4.8*	*6.1*	*23.0*	*3.6*	*3.6*	*3.1*	*3.7*	*3.8*	*17.4*	*18.6*	*1.0*	*11.4*	*8.1*
India	**5.4**	**18.8**	**5.7**	**5.6**	**20.2**	**3.6**	**3.2**	**3.6**	**3.4**	**3.3**	**30.1**	**25.5**	**8.3**	**2.5**	**7.6**
Jumlah eksport	**152.0**	**589.0**	**158.5**	**163.4**	**605.1**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**6.6**	**10.3**	**0.9**	**7.5**	**2.7**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport mineral juga terus berkembang pada suku itu, didorong terutamanya oleh eksport minyak mentah yang lebih tinggi, dan sebahagian kecilnya oleh peningkatan dalam eksport LNG berikutan harga yang lebih tinggi. Harga eksport minyak mentah naik kepada purata USD87.34 setong pada suku itu (S3: USD75.40 setong) sejajar dengan perkembangan dalam pasaran minyak dunia.

Eksport Malaysia ke pasaran serantau menjadi semakin penting. Aktiviti ekonomi dalam rantau Asia (tidak termasuk Jepun) yang pesat menghasilkan eksport serantau yang lebih tinggi (16.8%; S3: 1.8%). Eksport ke negara-negara ASEAN meningkat dengan kukuh, dipacu terutamanya oleh eksport keluaran E&E, besi dan keluli, galian dan bahan api serta plastik khususnya ke Singapura, Vietnam dan Filipina. Pertumbuhan eksport ke negara-negara Timur Laut Asia bertambah kukuh, disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran E&E, LNG dan kimia dan keluaran kimia. Sementara itu, eksport ke India, terutamanya keluaran E&E dan keluaran berkaitan petroleum, terus meningkat.

Import kasar mencatat pertumbuhan dua angka (10.7%; S3: 2%) pada suku itu, mencerminkan pertumbuhan dalam kesemua kategori import utama. Yang ketara, import **barangan modal** berkembang 17.7%. Tidak termasuk barangan import besar, import barangan modal meningkat 10% (S3: 7.4%). Projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan aktiviti pembangunan dan pengeluaran dalam sektor minyak dan gas merangsang import kelengkapan pembinaan dan perlombongan. Peningkatan kapasiti dan penambahbaikan

Pertumbuhan Import



dalam sektor perkilangan mendorong pengimportan jentera yang lebih tinggi. Harga yang lebih baik bagi hasil pertanian terus menggalakkan peningkatan kapasiti dalam sektor itu, menyebabkan import kelengkapan pertanian yang lebih tinggi. Import kapal yang lebih tinggi mencerminkan pertumbuhan perdagangan dalam rantau dan permintaan yang teguh terhadap eksport komoditi.

Import **barangan pengantara** pulih untuk mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 13.3% (S3: -0.7%), mencerminkan import barangan input untuk barangan perkilangan khususnya dalam sektor E&E. Pertumbuhan import barangan pengantara juga disebabkan oleh import bahan utama dan bahan yang diproses untuk kegunaan industri berasaskan sumber, seperti logam dan keluaran kimia di samping bahan api dan minyak pelincir. Selain itu, permintaan yang lebih tinggi terhadap kenderaan bermotor menyokong pertumbuhan import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan.

Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**4.1**	**7.4**	**17.5**	**17.7**	**7.3**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	4.6	5.4	10.4	10.2	5.7
Alat kelengkapan pengangkutan	-0.1	23.5	95.3	78.5	17.7
BARANGAN PENGANTARA	**7.1**	**8.8**	**-0.7**	**13.3**	**6.8**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	18.2	24.9	37.0	32.5	21.0
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	19.2	11.1	8.3	15.6	17.0
Bahan api dan pelincir	-0.5	25.7	-20.1	32.7	2.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	3.3	5.1	-5.6	5.7	0.4
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-22.5	-8.7	22.0	37.2	11.3
BARANGAN PENGGUNAAN	**12.1**	**13.4**	**1.2**	**3.6**	**3.6**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	5.7	4.8	2.8	6.6	6.6
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	45.7	9.4	55.8	1.0	9.3
Barangan pengguna, t.s.t.l.	15.1	18.8	-0.4	2.0	1.8
Barangan tahan lama	*13.7*	*9.8*	*24.4*	*6.4*	*14.9*
Barangan separa tahan lama	*24.5*	*34.6*	*-17.5*	*-7.4*	*-10.9*
Barangan tidak tahan lama	*9.3*	*12.6*	*3.6*	*7.1*	*5.6*
BARANGAN DUA GUNA	**-5.7**	**7.8**	**4.3**	**20.1**	**1.7**
LAIN-LAIN	**-3.4**	**-2.7**	**74.2**	**33.6**	**32.5**
IMPORT TERTANGGUH	**6.4**	**8.7**	**2.9**	**13.8**	**7.0**
EKSPORT SEMULA	**12.5**	**50.6**	**-11.3**	**-32.6**	**-22.4**
IMPORT KASAR	**6.8**	**10.8**	**2.0**	**10.7**	**4.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selaras dengan pertumbuhan berterusan penggunaan swasta, import **barangan penggunaan** berkembang 3.6%. Pertumbuhan import barangan penggunaan adalah terutamanya dalam import makanan dan minuman, serta barangan pengguna, iaitu barangan perubatan, kosmetik, perabot isi rumah dan barangan elektrik.

Aliran masuk bersih FDI dan pelaburan portfolio

Pada asas tunai, aliran masuk **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) kasar berjumlah RM12.8 bilion (S3: RM25.9 bilion) mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman antara syarikat yang lebih rendah oleh syarikat induk luar negeri. FDI dalam bentuk modal ekuiti terus tinggi dan disalurkan sebahagian besarnya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan, dan minyak dan gas. FDI dalam sektor perkhidmatan mencerminkan terutamanya pengambilalihan kepentingan yang besar dalam institusi kewangan domestik oleh sebuah bank yang berpangkalan di Hong Kong, dan juga pengembangan berterusan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel. Dalam sektor perkilangan, FDI disalurkan terutamanya kepada industri E&E, aktiviti hiliran berkaitan petroleum serta industri kimia. Sementara itu, sejumlah besar pinjaman antara syarikat adalah dalam bentuk pinjaman jangka pendek yang diberikan oleh syarikat minyak dan gas asing kepada syarikat subsidiari mereka di Malaysia, dengan sebahagian besar daripada pinjaman ini dibayar balik pada suku yang sama. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh

pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini, FDI bersih berjumlah RM3.3 bilion (S3: RM6.8 bilion). Data FDI pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Aliran keluar kasar bagi **pelaburan luar negeri** berjumlah RM20.4 bilion (S3: -RM12.3 bilion), mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman jangka pendek yang lebih besar oleh syarikat yang dikuasai bukan pemastautin kepada syarikat milik mereka di luar negeri berikutan operasi perbendaharaan berpusat mereka. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk yang berpunca daripada pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku itu. Selepas membuat pelarasan bagi urus niaga ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM5.1 bilion (S3: -RM7.1 bilion). Sejumlah besar daripada aliran keluar bersih pelaburan luar negeri ini dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan luar negeri disalurkan terutamanya kepada subsektor kewangan, insurans dan perniagaan serta subsektor utiliti. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan diterajui oleh syarikat dalam industri E&E, keluaran logam dan industri berkaitan petroleum.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6 bilion (S3: -RM21.9 bilion) yang mencerminkan terutamanya pembelian bersih sekuriti hutang oleh pelabur asing yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar yang disebabkan oleh pembelian sekuriti ekuiti luar negeri oleh pemastautin. Aliran masuk bersih dana asing mencerminkan peralihan dalam penguntukan aset ke Asia.

Hutang luar negeri menurun

Pada akhir tahun 2007, jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM187.4 bilion (bersamaan dengan USD56 bilion) atau 30.9% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** meningkat sedikit kepada RM133 bilion (S3: RM131.9 bilion) disebabkan pengambilan bersih yang lebih tinggi oleh sektor swasta yang sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik bersih yang berterusan oleh sektor awam dan penurunan nilai hasil daripada penilaian semula berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama, terutama dolar AS. Kerajaan Persekutuan terus mencatat pembayaran balik bersih (-RM0.9 bilion; S3: -RM3 bilion) sebahagian besarnya mencerminkan pinjaman bersindiket yang telah matang. Pada suku itu, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) sekali lagi mencatat pembayaran balik bersih (-RM0.4 bilion; S3: -RM3 bilion), terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor minyak dan gas serta kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pengambilan bersih pinjaman luar negeri

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2006	2007	
	S4	S3	S4[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	141.7	131.9	133.0
Sektor awam	75.4	64.2	61.4
Sektor swasta	66.3	67.7	71.5
Hutang jangka pendek[1]	42.8	56.5	54.5
Jumlah hutang luar negeri	184.5	188.3	187.4
- Bersamaan USD bilion	51.7	54.6	56.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

yang lebih tinggi oleh sektor swasta berjumlah RM5.6 bilion (S3: RM4.1 bilion) dibuat terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi serta sektor perkilangan.

Jumlah hutang luar negeri jangka pendek menurun kepada RM54.5 bilion (bersamaan dengan USD16.3 bilion), mencerminkan terutamanya pinjaman jangka pendek yang lebih rendah oleh sektor perbankan. Pada akhir tahun 2007, hutang jangka pendek mencakupi 29.1% daripada jumlah hutang luar negeri dan 16.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.7 bilion (bersamaan dengan USD101.3 bilion) pada 31 Disember 2007. Paras rizab ini telah mengambil kira kejatuhan nilai rizab disebabkan penilaian semula suku tahunan berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku keempat. Rizab meningkat kepada RM366.8 bilion (bersamaan dengan USD110.9 bilion) pada 15 Februari 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Defisit fiskal bagi tahun 2007

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada suku keempat adalah lebih tinggi, menyebabkan defisit keseluruhan sebanyak 3.2% daripada KDNK bagi tahun 2007 secara keseluruhan. Perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi khususnya telah dicatat ekoran perbelanjaan subsektor pertanian dan kemudahan awam yang meningkat. Sementara itu, peningkatan dalam kutipan hasil pada suku itu sebahagian besarnya disebabkan oleh kutipan cukai pendapatan syarikat dan hasil berkaitan minyak yang lebih tinggi. Defisit fiskal ini sebahagian besarnya dibiayai melalui pengeluaran aset boleh tunai Kerajaan dan peminjaman domestik. Pada akhir tahun 2007, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM266.5 bilion atau 42.6% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan
Sumber : Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2006	2007[a]	
	S4	S3	S4
	RM bilion		
Hasil	34.4	33.3	48.9
% pertumbuhan	*6.9*	*4.4*	*42.0*
Perbelanjaan mengurus	40.0	33.7	42.9
% pertumbuhan	*12.8*	*17.1*	*7.3*
Akaun semasa	**-5.6**	**-0.4**	**6.0**
% daripada KDNK	***-3.8***	***-0.3***	***3.7***
Perbelanjaan pembangunan kasar	19.4	10.8	18.2
% pertumbuhan	*11.0*	*19.0*	*-6.0*
Imbangan keseluruhan	**-24.6**	**-11.1**	**-9.8**
% daripada KDNK	***-16.6***	***-6.7***	***-6.1***
Item Memo:			
Jumlah perbelanjaan kasar	59.4	44.5	61.1
% pertumbuhan	*12.2*	*17.5*	*3.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	242.2	271.5	266.5
% daripada KDNK	*42.3*	*43.4*	*42.6*
Hutang dalam negeri	217.2	250.6	247.1
% daripada KDNK	*37.9*	*40.1*	*39.5*
Hutang luar negeri	25.0	20.9	19.4
% daripada KDNK	*4.4*	*3.3*	*3.1*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah stabil

OPR kekal pada 3.50% sepanjang suku keempat 2007, sejajar dengan prospek jangka sederhana kestabilan harga secara relatif dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pada masa yang sama, kadar antara bank semalaman purata wajaran harian bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatif stabil pada suku itu.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%. Kadar pinjaman purata (ALR) sebaliknya menurun sedikit kepada 6.29% pada akhir bulan Disember berbanding dengan 6.30% pada akhir bulan September, disebabkan persaingan yang terus kuat dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan antara 1 hingga 12 bulan tidak berubah, dalam lingkungan antara 3.08% hingga 3.70% pada akhir suku keempat.

Kadar Antara Bank Semalaman Purata Wajaran Harian



Kadar Faedah

	2006	2007			
	S4	S1	S2	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)				
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank					
Semalaman	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50
1 bulan	3.58	3.55	3.54	3.54	3.54
Kadar pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.72	6.72	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)					
Bank perdagangan	6.57	6.54	6.49	6.30	6.29
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	3.19	3.18	3.17	3.15	3.15
12 bulan	3.73	3.71	3.71	3.70	3.70

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan
(Purata bagi tempoh)



Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia
(Pada suku tahunan, RM juta)



Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**44.0**	**87.5**	**44.2**	**28.6**	**72.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	19.9	8.3	19.7	9.1	-0.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	7.9	34.7	25.9	-7.5	46.7
Pinjaman	*8.2*	*36.8*	*22.3*	*-8.3*	*43.2*
Sekuriti	*-0.3*	*-2.1*	*3.1*	*0.8*	*3.4*
Operasi luar bersih[1]	22.7	59.7	-1.7	20.0	76.4
BNM	*5.2*	*32.1*	*-0.5*	*7.2*	*50.9*
Sistem perbankan	*17.4*	*27.6*	*-0.7*	*12.8*	*25.4*
Pengaruh lain	-6.4	-15.3	0.3	7.0	-50.4

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat monetari terus meningkat

Pada suku keempat, wang secara luas atau M3 terus meningkat sebanyak RM28.6 bilion berbanding dengan suku sebelumnya atau pada kadar tahunan sebanyak 9.5%. Peningkatan ini sebahagian besarnya mencerminkan aliran masuk bersih perdagangan dan portfolio pada suku itu. Kesan operasi Kerajaan terhadap M3 juga positif, mencerminkan pengeluaran dana Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia untuk membiayai perbelanjaannya. Walau bagaimanapun, kekukuhan pertumbuhan M3 terjejas ekoran pengurangan pinjaman terkumpul selepas pembayaran balik satu pinjaman penyambung bersindiket yang besar pada akhir bulan Disember.

Wang secara kecil atau M1 juga meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan M3 disebabkan permintaan terhadap mudah tunai yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan pada akhir tahun.

Pembiayaan terus meningkat pada suku keempat

Pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus meningkat pada suku keempat, berjumlah RM181.4 bilion (S3: RM170.1 bilion). Peningkatan dalam pembiayaan disebabkan terutamanya oleh satu terbitan PDS yang besar untuk membiayai semula satu pinjaman penyambung bersindiket yang ditandatangani sebelum ini dengan institusi perbankan bagi membiayai satu usaha penswastaan. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 8.3% pada akhir bulan Disember (akhir S3: 8.9%).

Permohonan dan kelulusan pinjaman untuk sektor perniagaan lebih tinggi pada suku keempat, mencerminkan permintaan terhadap dana yang meningkat bagi membiayai pembesaran perniagaan. Pengeluaran pinjaman pula terus menyeluruh dengan dana disalurkan kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta sektor pembinaan. Pembiayaan yang diberikan kepada PKS terus memberansangkan, seperti ditunjukkan oleh tahap kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang tinggi. Daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan, 25% disalurkan kepada PKS.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2006	S4 06	S3 07	S4 07[a]	2006	S3 07	S4 07[a]
Jumlah pembiayaan kasar	**552.6**	**135.9**	**170.1**	**181.4**	**-2.3**	**24.3**	**33.5**
Pengeluaran pinjaman*	519.9	127.2	159.3	148.9	-1.6	24.1	17.1
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.7	8.1	9.6	28.7	-0.1	21.6	255.0
Ekuiti	1.9	0.6	1.1	3.8	-69.7	119.4	504.0
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**45.5**	**6.4**	**28.7**	**2.5**	**6.2**	**8.9**	**8.3**
Sistem perbankan	48.1	11.6	30.6	5.7	8.1	10.5	9.4
Pinjaman terkumpul (A)	*34.9*	*4.1*	*30.9*	*-1.2*	*6.3*	*9.5*	*8.6*
Pegangan PDS	*13.1*	*7.6*	*-0.3*	*7.0*	*37.3*	*25.3*	*20.1*
PDS terkumpul (B)	10.5	2.3	-2.2	3.7	6.0	7.0	7.6
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	38.2	8.3	12.1	28.7	1.8	30.6	246.5

[a] Awalan
* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Dalam sektor isi rumah, permohonan dan kelulusan pinjaman terus kukuh. Ini mencerminkan permintaan terhadap pinjaman yang mampan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang, yang disokong oleh kenaikan pendapatan isi rumah, pelbagai insentif yang ditawarkan untuk pembelian harta kediaman dan juga pemulihan dalam pasaran kereta.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2006	S4 06	S3 07	S4 07[a]	2006	S4 06	S3 07	S4 07[a]
Jumlah								
Permohonan pinjaman[n]	300.8	76.8	123.2	131.2	-1.5	6.3	55.4	71.0
Kelulusan pinjaman[n]	188.3	49.7	74.4	87.9	-2.1	3.9	58.3	77.1
Pengeluaran pinjaman[n]	519.9	127.2	159.3	148.9	-1.2	-5.8	24.1	17.1
Bayaran balik pinjaman[n]	478.2	122.4	123.8	152.1	-1.5	-2.6	5.1	24.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	34.9	4.1	30.9	-1.2	6.3	6.3	9.5	8.6
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman[n]	161.0	41.3	68.3	77.3	4.8	16.2	60.5	87.3
Kelulusan pinjaman[n]	96.3	28.1	41.1	56.7	8.7	22.0	79.1	101.8
Pengeluaran pinjaman[n]	369.8	89.7	113.9	104.4	-1.2	-7.7	24.6	16.4
Bayaran balik pinjaman[n]	351.7	88.3	86.1	113.8	-3.9	-7.8	-0.5	28.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	11.3	0.4	23.8	-9.8	5.0	5.0	14.8	10.4
PKS**								
Permohonan pinjaman[n]	71.4	19.8	28.7	26.0	20.0	55.9	47.0	31.5
Kelulusan pinjaman[n]	40.2	11.8	16.2	13.9	14.9	48.9	55.6	17.0
Pengeluaran pinjaman[n]	134.1	33.2	36.0	37.3	21.2	13.4	5.3	12.5
Bayaran balik pinjaman[n]	122.5	31.4	31.0	34.3	t.b.	t.b.	1.0	9.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpull*	8.7	0.1	2.9	2.2	9.1	9.1	7.0	9.0
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman[n]	89.6	21.5	39.5	51.3	-4.7	-6.0	71.9	138.7
Kelulusan pinjaman[n]	56.1	16.3	24.8	42.9	4.7	7.8	98.8	163.6
Pengeluaran pinjaman[n]	235.6	56.5	77.9	67.1	-10.7	-16.7	36.1	18.6
Bayaran balik pinjaman[n]	229.2	56.9	55.1	79.5	t.b.	t.b.	-1.3	39.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.6	0.3	20.9	-12.1	2.0	2.0	21.0	11.6
Isi rumah								
Permohonan pinjaman[n]	139.8	35.5	54.9	53.9	-7.9	-3.2	49.5	51.9
Kelulusan pinjaman[n]	92.0	21.6	33.3	31.2	-11.3	-12.9	38.4	44.8
Pengeluaran pinjaman[n]	150.2	37.5	45.4	44.5	-1.0	-1.2	22.9	18.7
Bayaran balik pinjaman[n]	126.6	34.1	37.7	38.3	5.6	14.1	20.7	12.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	26.6	6.0	8.6	6.2	8.7	8.7	7.3	7.3

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[n] Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan
[a] Awalan
t.b. Tidak berkenaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun terdapat pembayaran balik satu pinjaman penyambung bersindiket yang besar, jumlah pinjaman terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.6% pada akhir suku keempat (akhir S3: 9.5%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan 10.4% dan 7.3% (akhir S3: masing-masing 14.8% dan 7.3%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2006	S4 06	S3 07	S4 07		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	369.8	89.7	113.9	104.4	70.1	40.6
Syarikat besar	*235.6*	*56.5*	*77.9*	*67.1*	*45.0*	*22.9*
*PKS**	*134.1*	*33.2*	*36.0*	*37.3*	*25.1*	*17.7*
Isi rumah	150.2	37.5	45.4	44.5	29.9	55.1
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.9	3.4	4.1	3.5	2.4	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.3	0.4	0.6	0.4	0.2
Perkilangan	118.9	30.6	34.7	34.8	23.4	11.6
Pembinaan	30.5	7.9	8.3	8.3	5.6	5.0
Harta tanah	10.5	2.1	3.2	3.6	2.4	3.1
Bekalan elektrik, gas dan air	2.9	0.4	0.3	0.4	0.3	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	90.7	21.4	23.8	25.5	17.2	8.8
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	10.3	2.8	19.6	5.2	3.5	2.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	42.1	9.6	10.0	11.8	7.9	6.2
Kredit penggunaan	100.4	24.7	29.5	29.6	19.9	23.6
Antaranya:						
Kad kredit	*48.9*	*13.6*	*14.7*	*15.3*	*10.3*	*3.5*
Pembelian kereta penumpang	*32.9*	*6.8*	*9.1*	*8.5*	*5.7*	*15.8*
Jumlah	**519.9**	**127.2**	**159.3**	**148.9**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal terus tinggi

Pada suku keempat, dana kasar yang diperoleh lebih tinggi berjumlah RM46.6 bilion (S3: RM26.6 bilion). Walau bagaimanapun, selepas pelarasan bagi penebusan besar, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM567 juta.

Sektor awam memperoleh dana kasar sebanyak RM14 bilion melalui empat terbitan sekuriti kerajaan, termasuk terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun dan pembukaan semula MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun. Walau bagaimanapun, berikutan penebusan yang lebih tinggi pada suku keempat, sektor awam mencatat penebusan bersih sebanyak RM5.9 bilion.

Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh berjumlah RM28.7 bilion. Sejumlah besar daripada dana ini diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Terbitan PDS yang besar disebabkan satu terbitan oleh sebuah penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang besar untuk membiayai semula usaha penswastaannya. Sebaliknya, sektor swasta juga mencatat jumlah penebusan yang tinggi pada suku keempat. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM3.9 bilion (S3: RM755 juta).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti lebih tinggi pada suku keempat berjumlah RM3.8 bilion (S3: RM1.1 bilion). Sebanyak RM1.0 bilion (S3: RM383 juta) diperoleh melalui tiga tawaran awam awal; satu di papan utama dan dua di papan kedua sementara baki sebanyak RM2.8 bilion diperoleh melalui terbitan hak dan waran.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	6,500	26,830	9,924	14,048	43,187
Tolak Penebusan	2,850	12,850	-	19,600	24,400
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	3,650	13,980	9,924	(5,552)	18,787
Khazanah Bon, *bersih*	1,070	(630)	-	-	(496)
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	3,000	9,500	3,500	-	8,400
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	(433)	(1,931)	(386)	(394)	(1,513)
Dana Bersih yang Diperoleh	7,287	20,919	13,038	(5,946)	25,178
Oleh Sektor Swasta					
Saham	632	1,916	1,136	3,819	7,126
Sekuriti Hutang	8,297	38,887	12,057	28,746	69,356
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	8,097	31,737	12,057	28,746	67,606
Cagamas	200	7,150	-	-	1,750
Tolak Penebusan	8,747	31,519	13,702	26,052	56,182
Terbitan bersih	(451)	7,368	(1,645)	2,694	13,174
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	2,409	11,120	755	3,909	19,589
Dana bersih yang Diperoleh	182	9,284	(510)	6,513	20,300
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	7,469	30,203	12,528	567	45,478
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	653	2,563	(880)	(797)	86
Jumlah	8,122	32,766	11,648	(229)	45,565

[1] Merujuk kepada Kertas Perdagangan dan Nota Cagamas sahaja

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Urus niaga sekunder dalam pasaran bon masih tinggi

Urus niaga dalam pasaran bon sekunder masih tinggi kepada RM78.3 bilion pada suku keempat (S3: RM81.3 bilion). Sejumlah besar daripada urus niaga adalah dalam sekuriti kerajaan (MGS dan GII) yang mencakupi 68% daripada jumlah urus niaga, diikuti sekuriti hutang swasta dengan bahagian sebanyak 31%. Dari segi kecairan, MGS merupakan kertas paling cair, dengan nisbah kecairan sebanyak 0.25, diikuti oleh GII dengan nisbah kecairan sebanyak 0.18.

Jangkaan kenaikan inflasi telah menyebabkan kadar hasil MGS naik antara 8 hingga 45 mata asas bagi kesemua tempoh matang. Perbezaan hasil antara MGS 10 tahun dengan MGS berjangka lebih pendek dan sederhana meningkat dan akhirnya mengakibatkan kecuraman keluk hasil tanda aras MGS pada bulan Disember. Walau bagaimanapun, dengan aliran masuk yang berterusan ke pasaran bon, kenaikan dalam kadar hasil bon menjadi sederhana.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (29 Disember 2006 - 31 Disember 2007)



KLCI melonjak ke paras tertinggi pada S4 2007

Pada suku keempat 2007, sentimen pasaran saham Kuala Lumpur terus bulis meskipun terdapat sentimen negatif yang berpunca daripada pasaran subprima AS. KLCI meningkat ke paras tertinggi 1,447 mata pada 28 Disember 2007 disebabkan prestasi sektor perladangan yang memberangsangkan, berikutan harga minyak sawit mentah yang bertambah kukuh dan juga pendapatan suku tahunan syarikat yang positif. Kebimbangan yang meningkat terhadap kemerosotan ekonomi AS yang memberi kesan kepada kebanyakan bursa utama, mempunyai impak terhadap pasaran saham Kuala Lumpur. Pengurangan kadar *Fed Fund* sebanyak 50 mata asas pada suku keempat membantu meredakan kebimbangan pasaran dan mententeramkan bursa utama. KLCI memperoleh manfaat

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2006				2007					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	57,015	78,257	197,819	250,331	84,841	139,127	78,648	117,720	373,612	561,047
Antaranya:										
Papan Utama	36,338	66,458	121,666	204,801	62,160	127,213	50,667	106,134	262,912	501,933
Antaranya:										
Produk Pengguna	977	2,665	4,765	13,945	1,901	5,069	1,752	4,777	7,544	19,794
Produk Industri	4,474	5,395	16,232	17,747	7,220	11,812	4,906	8,213	28,788	43,299
Pembinaan	2,787	5,262	11,107	15,807	6,334	15,975	3,486	9,748	22,413	55,618
Dagangan/Khidmat	10,465	26,467	31,469	76,299	17,795	43,370	15,545	38,069	70,300	172,220
Kewangan	3,689	12,719	12,092	38,618	4,305	19,752	3,728	17,445	22,481	87,382
Harta benda	5,742	3,681	21,022	10,981	13,357	14,211	7,300	7,814	49,342	46,898
Perladangan	1,004	5,516	3,384	17,190	1,734	7,542	2,177	9,658	7,356	36,549
Infrastruktur	1,196	2,512	3,726	7,362	2,217	4,388	1,408	4,694	6,123	14,959
Papan Kedua	5,432	4,023	21,914	16,617	6,818	5,265	7,254	4,707	34,122	23,097
Mesdaq	10,735	4,981	48,712	25,559	9,018	5,268	6,139	3,050	42,156	23,027

Sumber: Bursa Malaysia

daripada sentimen positif itu dan meningkat kepada 1,445 mata pada akhir suku keempat (sejak akhir S3: 8.1%). Permodalan pasaran lebih tinggi pada RM1,106.2 bilion (sejak akhir S3: 7.3%). Walau bagaimanapun, aktiviti urus niaga menjadi lembap dengan urus niaga purata harian menurun kepada 1,246.8 juta unit (sejak akhir S3: -5.4%).

Pada 26 Februari 2008, KLCI ditutup pada 1,375.4 mata (sejak akhir tahun 2007: -4.8%), dengan permodalan pasaran lebih rendah pada RM1,036 bilion (sejak akhir tahun 2007: -6.3%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2006		2007		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Indeks Harga					
Komposit	1,096.2	1,096.2	1,336.3	1,445.0	1,445.0
FBM30[1]	7,059.9	7,059.9	8,413.5	9,343.7	9,343.7
FBMEMAS[2]	7,169.6	7,169.6	8,997.5	9,810.8	9,810.8
Papan Kedua	92.0	92.0	105.8	-	-
Mesdaq	119.9	119.9	122.9	-	-
FTSE Papan Kedua[3]	-	-	6,945.0	6,732.4	6,732.4
FTSE Mesdaq[3]	-	-	6,624.1	6,109.2	6,109.2
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	934.7	802.9	1,326.7	1,268.5	1,548.4
Nilai (RM juta)	1,282.9	1,018.9	2,176.3	1,898.7	2,345.7
Permodalan pasaran (RM bilion)	848.7	848.7	1,031.3	1,106.2	1,106.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,027	1,027	1,001	987	987

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks
[3] Bermula 1 Sept 2007, Papan Kedua & Mesdaq bertukar ke FTSE Papan Kedua & FTSE Mesdaq

Sumber: Bursa Malaysia

Perkembangan Kadar Pertukaran Wang Asing

Ringgit menjadi lebih kukuh berbanding dengan dolar AS pada suku keempat berikutan aliran masuk yang berkaitan perdagangan dan aliran masuk portfolio baharu. Bagi suku itu secara keseluruhan, ringgit menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (3.3%) dan yen Jepun (0.4%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.7%). Pengukuhan euro disebabkan jangkaan pasaran terhadap perbezaan kadar faedah yang kian meningkat, yang berpihak kepadanya. Ringgit menambah nilai dalam lingkungan antara 0.5% hingga 6.0% berbanding dengan mata wang serantau. Namun, berbanding dengan peso Filipina, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.2%.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2007)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Ringgit menambah nilai sehingga awal tahun 2008. Walaupun kejatuhan pasaran ekuiti global dan kebimbangan mengenai impak kelembapan ekonomi AS terhadap rantau itu menyebabkan ringgit menyusut nilai seketika berbanding dengan dolar AS pada pertengahan bulan Januari, ringgit seterusnya pulih semula berikutan pengurangan sebanyak 75 mata asas dalam kadar *Fed Fund* oleh Federal Reserve AS pada 22 Januari dan pengurangan 50 mata asas lagi pada 30 Januari 2008. Pada tempoh 1 Januari hingga 26 Februari 2008, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan euro masing-masing sebanyak 2.9% dan 2.3%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun sebanyak 0.8%. Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, namun menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand dan rupiah Indonesia masing-masing sebanyak 1.5% dan 0.4%.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 06	S3 07	S4 07	21 Jul 05	S4 06	S3 07
Dolar AS	3.8000	3.5315	3.4170	3.3065	14.9	6.8	3.3
Euro	4.6212	4.6460	4.8410	4.8756	-5.2	-4.7	-0.7
Paun sterling	6.6270	6.9315	6.9167	6.6070	0.3	4.9	4.7
100 yen Jepun	3.3745	2.9675	2.9649	2.9534	14.3	0.5	0.4
Dolar Singapura	2.2570	2.3028	2.2916	2.2938	-1.6	0.4	-0.1
100 baht Thailand	9.0681	9.8111	9.9723	9.8159	-7.6	0.0	1.6
100 peso Filipina	6.8131	7.2027	7.5992	8.0158	-15.0	-10.1	-5.2
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0393	0.0373	0.0352	9.7	11.6	6.0
100 won Korea	0.3665	0.3797	0.3726	0.3532	3.8	7.5	5.5
Renminbi China	0.4591	0.4523	0.4548	0.4527	1.4	-0.1	0.5

*(+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang tinggi pada suku keempat 2007, disokong oleh permodalan dan keberuntungan yang kukuh. Dengan ditambah oleh paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) yang terus menurun, kedudukan institusi perbankan adalah kukuh untuk terus menyokong aktiviti ekonomi pada masa hadapan.

Permodalan institusi perbankan terus kukuh

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 13% dan 9.9% pada akhir suku keempat 2007. Nisbah modal yang rendah sedikit ini disebabkan oleh aset wajaran risiko yang lebih tinggi (+RM19.7 juta atau +2.5%) ekoran pertumbuhan dalam aktiviti pemberian pinjaman yang telah diimbangi sebahagiannya oleh penambahan kecil modal asas sebanyak 1.5% berikutan terbitan modal hutang surbodinat dan suntikan modal oleh institusi perbankan.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2006	2007			
	S4	S1	S2	S3	S4
Modal					
CCR (%)	10.7	10.4	10.8	10.3	9.9
RWCR (%)	13.5	13.1	13.9	13.2	13.0

Keberuntungan terus stabil

Pada suku keempat, sistem perbankan mencatat pertumbuhan keuntungan sebelum cukai belum diaudit yang kukuh sebanyak 21% kepada RM5.2 bilion (S3: RM4.3 bilion). Prestasi yang menggalakkan ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi sebanyak RM0.4 bilion (+6.2%) dan perolehan pelaburan bersih sebanyak RM0.2 bilion (+35%), di samping peruntukan hutang ragu dan lapuk yang lebih rendah sebanyak RM0.6 bilion (-48.6%) pada suku itu. Hasilnya, terdapat peningkatan keseluruhan keuntungan sebelum cukai bagi tahun itu sebanyak 34.8% hingga mencecah RM17.6 bilion. Ini menghasilkan pulangan atas ekuiti purata yang lebih baik pada 19.7% (S3: 12.7%), sementara pulangan atas aset kekal pada 1.5%.

Paras NPL terus menurun

Paras NPL sistem perbankan terus menurun pada suku keempat. Jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi tiga bulan menurun sebanyak 7.4% lagi kepada RM20.1 bilion (S3: RM21.7 bilion) pada akhir suku itu, untuk mencakupi 3.2% daripada jumlah pinjaman bersih (S3: 3.5%). Ini disebabkan terutamanya oleh penjualan NPL dan pengelasan semula NPL yang lebih tinggi kepada status pinjaman berbayar di samping hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar



Ucapan di Persidangan Kewangan Islam – 'Kewangan Islam di Asia Tenggara: Amalan Tempatan, Impak Global' 18 Oktober 2007, Washington D.C.

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

'Mempertingkatkan Kesalinghubungan dan Peluang – Peranan Kewangan Islam'

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di Washington D.C. untuk berucap di persidangan yang penting ini yang telah mempertemukan pembuat dasar, pengamal pasaran, ahli akademik dan komuniti perniagaan bagi membincangkan peluang baharu dalam kewangan Islam dan peranannya dalam mempertingkatkan hubungan kewangan antarabangsa. Sudah genap lima tahun apabila saya berwacana tentang kewangan Islam di Persidangan Kewangan Islam Antarabangsa Pertama yang telah diadakan di Washington D.C. pada tahun 2002. Isu yang dibincangkan pada masa itu ialah cabaran yang dihadapi dalam membangunkan sistem kewangan Islam yang cekap dan mantap. Dalam masa lima tahun, sistem kewangan Islam telah berkembang dengan pesat untuk menjadi satu bentuk pengantaraan kewangan yang dinamik dan bersaingan dalam sistem kewangan global. Transformasi ini telah dicapai dalam persekitaran yang kian mencabar.

Ucapan saya hari ini akan tertumpu pada transformasi yang telah berlaku sepanjang lima tahun ini baik dalam sistem kewangan Islam negara mahupun antarabangsa. Perkembangan yang paling penting ialah pembangunan pasaran kewangan Islam, pertambahan jenis produk dan perkhidmatan kewangan, peningkatan kepentingan dimensi antarabangsa kewangan Islam, pembangunan arkitektur kewangan Islam dan peningkatan kesalinghubungan antarabangsa yang terbit daripada kemajuan yang dicapai ini.

Transformasi landskap kewangan Islam

Lima tahun yang lalu, pembangunan industri kewangan Islam dianggap sebagai industri muda yang sedang berkembang untuk membuktikan daya maju dan daya saingnya. Pada ketika itu, perkembangan kewangan Islam lebih bersifat organik dan sebahagian besarnya tertumpu di negara yang mempunyai bilangan penduduk beragama Islam yang besar. Dalam tempoh lima tahun itu kewangan Islam telah mencatat pertumbuhan yang ketara pesatnya dan ia diamalkan di lebih 75 buah negara, di kedua-dua komuniti yang dikuasai orang Islam dan orang bukan Islam. Terdapat juga pertambahan dalam bilangan pusat kewangan antarabangsa yang mula menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam seperti di London, Singapura dan Hong Kong. Bilangan institusi perbankan Islam di seluruh dunia termasuk bank konvensional yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam telah meningkat dua kali ganda kepada lebih daripada 300. Jumlah aset kewangan Islam yang diuruskan mereka dianggarkan melebihi satu trilion dolar Amerika Syarikat, kira-kira lima kali ganda saiznya berbanding dengan lima tahun yang lalu.

Kewangan Islam kini antara segmen kewangan yang paling pesat berkembang dalam sistem kewangan antarabangsa, dengan kadar pertumbuhan purata dianggarkan antara 15 hingga 20 peratus setahun. Baru-baru ini, semakin bertambah pempelbagaian dalam jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan dalam pasaran yang telah dibangunkan. Pasaran sukuk, iaitu pasaran bon Islam dalam

denominasi mata wang antarabangsa telah mencatat pertumbuhan yang amat pesat dengan saiznya berganda kepada USD28 bilion berbanding dengan setahun yang lalu. Saiz pasaran sukuk kini dianggarkan bernilai kira-kira USD82 bilion, termasuk sukuk dalam denominasi mata wang domestik. Pasaran ini dijangka terus berkembang dengan ketara berikutan keperluan pembiayaan yang besar untuk pelaburan infrastruktur dan pelaburan sektor swasta lain oleh negara-negara yang menunjukkan minat dalam pembiayaan Islam.

Inovasi dalam membangunkan produk kewangan Islam juga telah berkembang dengan ketara. Ini jelas dapat dilihat terutamanya dalam pembangunan produk sukuk. Berikutan kejayaan Kerajaan Malaysia menerbitkan sukuk berdaulat global pertama di dunia pada tahun 2002, terdapat terbitan beberapa sukuk berdaulat lain oleh beberapa negara lain. Perkembangan ini turut menggalakkan terbitan sukuk korporat antarabangsa oleh syarikat-syarikat multinasional dan domestik. Antara instrumen yang inovatif yang telah dibangunkan termasuk terbitan sulung sukuk boleh tukar pada tahun 2006 oleh Khazanah Nasional, iaitu entiti pengurusan kekayaan berdaulat Malaysia. Dalam pengaturan ini, sukuk berkenaan boleh ditukar dengan saham lain yang dipegang Khazanah. Pada tahun yang sama, sukuk boleh diubah, iaitu sukuk yang boleh diubah menjadi saham syarikat penerbit itu sendiri apabila tawaran awam awal dibuat, telah diterbitkan oleh sebuah syarikat yang berpusat di Timur Tengah. Pasaran derivatif juga telah dibangunkan dengan pengenalan swap mata wang Islam dan swap kadar keuntungan.

Pertumbuhan yang ketara dalam pengurusan aset dan dana Islam juga dapat dilihat berikutan pembangunan struktur dana pelaburan Islam yang inovatif dan pelbagai, termasuk dana lindung nilai Islam. Kini terdapat lebih daripada 250 dana bersama yang berlandaskan prinsip Syariah, dengan aset yang diurus dianggarkan berjumlah USD300 bilion. Perkembangan lain termasuk pewujudan indeks tanda aras seperti Indeks Pasaran Islam Dow Jones yang meliputi permodalan pasaran melebihi USD10 trilion di lebih 40 buah negara, Siri Indeks Islam Global Bursa Saham Financial Times, dan penyenaraian instrumen kewangan Islam di bursa-bursa saham antarabangsa. Perkembangan ini mempertingkatkan kedalaman pasaran kewangan Islam sebagai kelas aset yang menarik untuk pelaburan.

Satu lagi perkembangan penting dalam kewangan Islam sepanjang tempoh ini ialah pengukuhan arkitektur kewangan Islam antarabangsa. Pada tahun 2002, penambahbaikan struktur yang penting ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB), yang merumus piawai pengawalseliaan dan kehematan antarabangsa untuk kewangan Islam. Kini IFSB telah melancarkan piawai bagi kecukupan modal, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat. Antara piawai yang sedang dirumus termasuk amalan pasaran dan peraturan bagi penzahiran kewangan, ketelusan, rangka kerja tadbir urus Syariah dan proses kajian semula pengawalseliaan. Langkah ini bertujuan memastikan amalan terbaik dan kemantapan serta kestabilan sistem kewangan Islam.

IFSB kini mempunyai 137 anggota yang merangkumi 35 pihak berkuasa pengawalseliaan, lima organisasi antara kerajaan antarabangsa termasuk Bank of International Settlement, Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa, dan 97 peserta pasaran dan firma profesional dari 22 buah negara. Satu ciri penting yang perlu diberi perhatian ialah keanggotaan IFSB terdiri daripada beberapa pihak berkuasa dan institusi antarabangsa daripada negara bukan Islam. Penubuhan IFSB menjadi pelengkap kepada Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam yang ditubuhkan pada tahun 1991, iaitu badan yang menetapkan piawai perakaunan untuk memastikan nilai yang sebenar dan saksama dicerminkan dalam urus niaga kewangan dan memastikan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban yang lebih besar institusi kewangan.

Akhir sekali, perkembangan ini diperkukuh oleh liberalisasi yang lebih luas untuk meningkatkan dimensi antarabangsa kewangan Islam. Dengan pertambahan penyertaan antarabangsa dalam pasaran kewangan Islam, aliran kewangan Islam merentas sempadan meningkat dengan ketara. Di samping itu, institusi kewangan Islam yang sebelum ini hanya beroperasi di dalam negara kini telah mula melebarkan sayapnya ke rantau luar bagi meneroka peluang pertumbuhan baharu. Dimensi antarabangsa baharu sistem kewangan Islam ini telah mempertingkatkan lagi kesalinghubungan antarabangsa dalam persekitaran yang bertambah global ini.

Kewangan Islam: Beroperasi dalam persekitaran yang mencabar dan berubah

Perubahan dan pengembangan kewangan Islam telah berlaku dalam persekitaran antarabangsa yang pesat berubah dan dinamik. Dalam konteks persekitaran yang lebih mencabar dan bersaingan ini, isu kestabilan kewangan, daya maju dan daya saing adalah sangat penting. Ini ketara terutamanya dalam perkembangan baru-baru ini yang dilalui oleh sistem kewangan antarabangsa. Satu elemen penting kewangan Islam ialah kekukuhan dan keteguhan yang diperoleh daripada prinsip Syariah. Kewangan Islam mempunyai dimensi yang terbina dalamnya, yang menggalakkan keteguhan dan kestabilan, disokong oleh injunksi Syariah. Injunksi Syariah ini pada dasarnya menjalinkan urus niaga kewangan dengan aktiviti produktif yang sebenar.

Keteguhan dan daya maju kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan adalah berdasarkan keperluan asas bahawa urus niaga kewangan Islam perlu disokong oleh aktiviti produktif yang mendasarinya. Oleh itu, sentiasa terdapat perhubungan yang rapat antara aliran kewangan dengan aliran produktif. Urus niaga kewangan perlu diiringi oleh urus niaga perdagangan yang sebenar atau urus niaga berasaskan sewa beli dan berkaitan perniagaan yang riba' dihapuskan dan keuntungan atau hasil sewa merupakan ganjaran ekonomi. Sebagai alternatif, institusi kewangan Islam boleh menyertai usaha sama sebagai satu cara pembiayaan, apabila institusi tersebut menjadi rakan kongsi dalam aktiviti ekonomi berdasarkan pengaturan perkongsian keuntungan yang dipersetuju terdahulu. Selain itu, juga terdapat sekatan yang eksplisit terhadap aktiviti kewangan yang tidak beretika dan bersifat spekulatif.

Ciri intrinsik yang terdapat pada kewangan Islam juga menggalakkan pengurusan risiko dan memberikan keyakinan melalui penzahiran yang nyata dan ketelusan terhadap peranan dan tanggungjawab yang ditetapkan di dalam kontrak. Dalam kewangan Islam, strategi untuk meminimum dan menguruskan risiko membabitkan penyepaduan risiko dalam aktiviti ekonomi sebenar. Dengan itu, aktiviti sebenar ini perlu menjana keuntungan yang secukupnya sebagai ganti rugi risiko yang telah diambil. Sebaliknya, instrumen kewangan konvensional secara umumnya memisahkan risiko daripada aset yang mendasarinya. Akibatnya, pengurusan risiko dan penjanaan kekayaan ada kalanya bergerak dalam arah yang berbeza atau pun bertentangan. Instrumen kewangan konvensional juga membolehkan risiko dijadikan bahan komoditi, yang menghasilkan peningkatan bilangannya melalui berbilang lapisan aktiviti leveraj dan pengagihan yang tidak seimbang. Ini meninggikan lagi risiko sistemik, lantas meningkatkan kemungkinan berlakunya ketidakstabilan dan penumpuan kekayaan yang tidak adil.

Prinsip intrinsik tadbir urus juga menyumbang ke arah pelindungan sistem kewangan Islam daripada kemungkinan risiko ekoran leveraj dan aktiviti kewangan spekulatif yang berlebihan. Ciri kontrak kewangan Islam yang nyata dan telus dan penzahiran maklumat secara lebih terbuka merupakan penyumbang penting kepada kestabilan sistem itu. Tumpuan pelaburan Islam bukan sahaja dalam aktiviti bebas riba', tetapi juga merangkumi isu berkaitan dengan nilai etika dan perdagangan yang saksama. Oleh itu, garis panduan pelaburan

Islam berkongsi banyak persamaan dengan prinsip pelaburan yang bertanggungjawab dari segi sosial.

Peluang dan hubungan baharu yang ditawarkan oleh kewangan Islam

Kewangan Islam kini di ambang dimensi baharu yang ia mempunyai potensi besar untuk berperanan dalam memantapkan kesalinghubungan kewangan antarabangsa antara negara. Kewangan Islam berpotensi untuk menyumbang ke arah penggemblengan dan pengagihan dana merentas rantau dengan lebih efisien. Rantau yang mempunyai tabungan berlebihan boleh menyalurkan dana ke rantau yang tabungan berkurangan dan ini akan membawa kepada penyepaduan kewangan global yang lebih menyeluruh. Hubungan kewangan kini bertambah pesat, ekoran aliran kewangan antara rantau yang kian ketara. Dalam konteks ini, kewangan Islam menjadi wahana baharu yang menyumbang kepada peningkatan hubungan kewangan dalam Asia, seterusnya memudahkan pengagihan modal merentas sempadan di rantau ini. Walau bagaimanapun, kewangan Islam bukan sahaja berpotensi untuk berperanan dalam mengukuhkan integrasi dan hubungan dalam Asia, malah lebih penting lagi dalam menjalin hubungan dengan rantau dinamik lain yang sedang pesat membangun seperti Timur Tengah.

Beberapa ekonomi dalam Asia kini mula menyertai trend ini lantas mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dan kewangan antara dua rantau pertumbuhan yang dinamik ini. Peningkatan hubungan antara dua rantau antara Asia dengan Timur Tengah ini telah mewujudkan persekitaran aktiviti yang mengingatkan kita kepada Laluan Sutera Lama. Ini menandakan bahawa Laluan Sutera Baharu telah muncul dan laluan ini kini menjadi medan operasi penyedia perkhidmatan kewangan dari semua benua di dunia ini. Meskipun Laluan Sutera Baharu mencerminkan hubungan antara Asia dengan Timur Tengah, ia tetap merentang hingga ke seluruh dunia. Oleh itu, terdapat potensi untuk penyertaan pelabur global dan komuniti kewangan antarabangsa yang lebih meluas.

Kewangan Islam pada dasarnya memberikan cadangan nilai bagi pelabur dan juga penerbit dalam pasaran masing-masing terutamanya dalam pasaran sukuk. Bagi pelabur, produk kewangan Islam menyediakan peluang untuk mempelbagaikan portfolio dan pelaburan baharu dalam bentuk kelas aset baharu. Bagi penerbit, kewangan Islam membolehkan akses kepada sumber dana dan mudah tunai baharu selain menyediakan pilihan pengurusan risiko baharu dan mekanisme baharu untuk penemuan harga. Beberapa pusat kewangan antarabangsa mengiktiraf kewangan Islam sebagai sebahagian daripada pasaran kewangan mereka yang penting, dalam usaha melengkapi set produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan, dan lantas membangunkan segmen ini secara aktif. Trend ini dijangka memperluaskan Laluan Sutera Baharu ini dari Asia dan Timur Tengah hingga ke Barat dan rantau lain di dunia.

Peluang seterusnya: Pasaran Sukuk

Antara perkembangan yang lebih penting dalam kewangan Islam kebelakangan ini ialah pembangunan pasaran Sukuk. Meskipun saiz pasaran Sukuk adalah sederhana mengikut standard global, pasaran Sukuk telah melalui perkembangan yang pesat, meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 40 peratus. Pertumbuhan ini dirangsang sebahagiannya oleh pertambahan keperluan pembiayaan dalam ekonomi sedang pesat membangun, terutama di Asia dan Timur Tengah yang semakin rancak dengan aktiviti pelaburan. Tahap tabungan berlebihan dan rizab yang tinggi di Asia dan Timur Tengah juga menyumbang kepada permintaan yang ketara tehadap Sukuk. Permintaan yang kukuh ini diperkuat lagi oleh aliran kewangan yang teguh dalam sistem kewangan antarabangsa yang sedang mencari kadar pulangan yang lebih tinggi dan pempelbagaian risiko yang lebih meluas.

Walau bagaimanapun, daripada anggaran yang dibuat, kira-kira 80 peratus daripada sukuk yang diterbitkan telah dilanggan oleh pelabur antarabangsa konvensional. Di samping nilai intrinsik Sukuk yang sebahagian

besarnya bersandarkan aset, boleh diubah menjadi saham atau boleh ditukar dengan saham, terbitan Sukuk menarik kerana ia mempunyai jumlah pelabur yang lebih besar yang terdiri daripada pelabur Islam dan konvensional. Dengan bertambahnya kekayaan pelabur global yang mencari pelaburan berlandaskan Syariah, pasaran telah menjadi lebih kompetitif. Syarikat antarabangsa di seluruh dunia termasuk syarikat multinasional global kini berminat untuk menjadikan Sukuk sebagai satu pilihan pembiayaan.

Pembangunan pasaran Sukuk di Malaysia merangkumi inisiatif yang meluas dan pelbagai, termasuk melancarkan proses terbitan Sukuk yang cekap, mempertingkatkan proses penemuan harga, mewujudkan kadar hasil tanda aras, memperluas bilangan pelabur, menggalakkan kecairan dalam pasaran sekunder dan mengukuhkan lagi rangka kerja undang-undang, pengawalseliaan dan Syariah. Usaha-usaha tersebut turut disokong oleh pembangunan infrastruktur kewangan termasuk sistem penyelesaian dan sistem maklumat bon.

Bagi memastikan kedudukan Malaysia sebagai pusat originasi terbitan, pengedaran dan perdagangan Sukuk, langkah-langkah seterusnya diambil untuk meliberalkan pasaran bagi membolehkan syarikat asing, termasuk syarikat multinasional dan agensi pelbagai hala untuk memperoleh dana dalam pasaran bon Malaysia. Dana yang diperoleh entiti tersebut boleh digunakan untuk membiayai aktiviti pelaburan dalam negara lain. Terbitan Sukuk dalam denominasi ringgit yang pertama dilakukan oleh International Finance Corporation pada tahun 2004, dan diikuti oleh terbitan oleh Bank Dunia pada tahun 2005. Pada tahun 2006, pasaran terus diliberalkan untuk membolehkan sukuk dalam denominasi mata wang asing dapat diterbitkan dari pasaran Malaysia. Terbitan Sukuk ini telah menarik minat pelabur asing, seterusnya meneguhkan lagi kesalinghubungan pasaran Malaysia dengan pasaran kewangan antarabangsa lain. Keuntungan atau pendapatan yang diperoleh bukan pemastatutin bagi pelaburan dalam sekuriti Islam dalam demonimasi ringgit dan bukan ringgit yang diterbitkan di Malaysia juga dikecualikan daripada cukai pegangan. Di samping itu, Kerajaan Malaysia melaksanakan langkah-langkah peneutralan cukai bagi menyokong terbitan Sukuk.

Bagi mempertingkatkan hubungan kewangan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara lain, sektor perbankan Islam domestik terus diliberalkan pada tahun 2004 dengan pengeluaran lesen baharu kepada institusi kewangan Islam asing. Di samping itu, pegangan saham asing yang dibenarkan dalam institusi kewangan Islam dinaikkan kepada 49 peratus daripada jumlah ekuiti sedia ada institusi kewangan Islam. Lesen baharu juga dikeluarkan kepada entiti untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam, perniagaan takaful dan takaful semula dalam mata wang antarabangsa. Institusi-institusi ini, yang boleh mempunyai pegangan saham sehingga 100% milik ekuiti asing, diberikan kefleksibelan beroperasi sama ada ditubuhkan sebagai cawangan atau subsidiari dan menikmati pengecualian cukai selama 10 tahun di bawah Akta Cukai Pendapatan.

Kesimpulan

Asas bagi pembangunan global kewangan Islam yang mampan kini telah pun diwujudkan. Melangkah ke hadapan, tiga elemen penting diperlukan untuk mengekalkan momentum pembangunan semasa. Ini termasuk pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan dan seterusnya ini akan menggalakkan inovasi, pembangunan kumpulan tenaga kerja mahir dan penggunaan teknologi yang lebih meluas dalam kewangan Islam.

Bagi menggalakkan inovasi dan seterusnya mencapai tahap kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan yang pesat membangun, ia memerlukan pelaburan yang besar dalam penyelidikan dan pembangunan. Yang penting ialah pembangunan instrumen pasaran kewangan Islam yang lebih meluas termasuk instrumen yang bercirikan pemilikan ekuiti, sekuriti bersandarkan

aset Islam, pemasukan jenis peningkatan kredit yang dibenarkan dan juga instrumen pengurangan risiko yang berlandaskan Syariah. Pembangunan pasaran derivatif Islam untuk tujuan perlindungan nilai diperlukan untuk aktiviti pencetusan pasaran bagi menyokong pembangunan pasaran sekunder. Di Malaysia, dana Cendekiawan Syariah telah ditubuhkan baru-baru ini untuk membiayai usaha penyelidikan dan pembangunan seumpama itu. Dana itu juga bertujuan menggalakkan hubungan yang lebih erat antara cendekiawan Syariah antarabangsa dan seterusnya menyediakan platform untuk perbincangan tentang kesesuaian instrumen dan pasaran kewangan Islam yang baharu dibangunkan dengan prinsip Syariah.

Dengan pengembangan kewangan Islam di peringkat antarabangsa yang terus mantap, bekalan tenaga kerja mahir dan kepakaran yang secukupnya untuk menyokong pertumbuhannya adalah penting. Meskipun bekalan tenaga kerja mahir tidak mencukupi buat masa ini, usaha telah diambil bagi mengatasi masalah ini dalam beberapa bidang tertentu. Dalam hal ini, Malaysia telah menubuhkan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) pada tahun 2006 bagi membangunkan kepakaran untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin meningkat bagi kewangan Islam. INCEIF diharap dapat bertindak sebagai sebuah badan persijilan profesional dan institusi pendidikan untuk pengajian pascasiswazah dalam kewangan Islam. Ini dapat diperkukuh oleh Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) di Malaysia yang menyediakan program kepimpinan dan pengurusan untuk sektor perkhidmatan kewangan, termasuk kewangan Islam.

Dengan berkembangnya kewangan Islam, institusi kewangan Islam yang berjaya adalah daripada kalangan institusi yang berskala besar dan berkebolehan untuk mengeksploitasikan potensi dan peluang sepenuhnya hasil daripada kemajuan teknologi maklumat (IT). Potensi industri kewangan Islam untuk menawar produk dan perkhidmatan baharu akan dapat dipertingkatkan dengan mengaplikasikan teknologi terkini. Ia juga mempunyai potensi untuk meningkatkan akses melalui saluran penyampaian baharu yang lebih banyak, termasuk meningkatkan kecekapan manakala kos terhadap pengguna dan peniaga dapat dikurangkan. IT perlu dimanfaatkan dalam membuat keputusan strategik dalam penjajaran perniagaan, dalam meningkatkan kapasiti keinstitusian dan kecekapan pengendalian serta dalam mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko.

Meskipun dalam persekitaran pasaran yang dinamik dan mencabar, kewangan Islam telah berjaya untuk berkembang sebagai suatu bentuk pegantaraan kewangan yang memberangsangkan, teguh dan berdaya tahan, dan kian diamalkan di peringkat global untuk menjadi sebahagian daripada sistem kewangan antarabangsa yang penting. Dalam proses pembangunannya, kewangan Islam telah menambahkan lagi peluang penyertaan komuniti kewangan antarabangsa, lantas meningkatkan kesalinghubungan dalam dan antara rantau ekonomi di dunia. Dalam meningkatkan kesalinghubungan baharu ini dan integrasi yang lebih meluas, kewangan Islam dilihat sebagai penyumbang dalam membuka potensi baharu yang akan memberikan manfaat bersama, dan secara langsung mempertingkatkan lagi prospek keseluruhan bagi kita.

Pameran Kewangan Malaysia 2007
Di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur
30 Oktober 2007

Ucapan Pembukaan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di sini petang ini di Majlis Perasmian Pameran Kewangan Malaysia 2007 atau MYFex2007, yang dianjurkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). PIDM ditubuhkan dua tahun yang lalu untuk memperkukuh peranan Bank Negara Malaysia dalam memastikan keteguhan dan kestabilan sistem kewangan. PIDM merupakan sebahagian daripada jaring keselamatan kewangan dan berperanan penting dalam mentadbir sistem insurans deposit yang berkesan yang membina keyakinan orang ramai terhadap keteguhan sistem perbankan. Keyakinan orang ramai merupakan kunci kepada kestabilan kewangan dan perjalanan sistem kewangan yang cekap. Dalam konteks ini, PIDM secara aktif sedang meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai insurans deposit dan pameran ini ialah satu usaha untuk meletakkan insurans deposit dalam skop landskap kewangan yang lebih luas.

Sistem kewangan yang tidak mendapat kepercayaan orang ramai sepenuhnya bahawa ia selamat dan kukuh, tidak boleh mengharap yang ia akan bekembang dan tumbuh dengan jayanya. Keyakinan ini dapat dipertingkatkan dengan mempunyai sistem insurans deposit yang berkesan yang berperanan untuk menjaga kepentingan pendeposit. Dengan adanya satu sistem insurans deposit yang eksplisit, pendeposit akan lebih yakin dengan keselamatan wang mereka di institusi perbankan, di samping mengetahui bahawa sistem perbankan mempunyai elemen perlindungan yang boleh dipercayai.

Sektor kewangan Malaysia telah melalui transformasi dan kemajuan yang pesat semenjak pelancaran Pelan Induk Sektor Kewangan pada tahun 2001. Transformasi dan kemajuan ini terutamanya sangat ketara dalam sektor perbankan yang telah melalui penyusunan semula, penyatuan dan perasionalan. Penyahkawalseliaan dan liberalisasi secara beransur-ansur juga telah mengubah landskap kewangan yang menghasilkan prestasi yang bertambah baik dan daya tahan yang meningkat. Perkembangan ini seterusnya mematangkan sektor perbankan dan memberi laluan untuk sektor pertumbuhan baharu. Selain hasil yang dapat dilihat ini, perubahan struktur juga telah berlaku dengan kemunculan entiti baharu, peningkatan penyertaan peserta antarabangsa baharu dan pasaran kewangan yang lebih pelbagai dan maju. Peningkatan penyahkawalseliaan dan liberalisasi juga telah meningkatkan persaingan yang menghasilkan lagi peluang perniagaan baharu. Dalam konteks perkembangan ini, sektor perbankan telah menjadi tonggak penting kekuatan ekonomi kita.

Satu dimensi yang sedang berkembang pesat dalam konteks perkembangan ini ialah kebangkitan kepenggunaan. Kualiti hidup yang bertambah baik, peningkatan kemewahan dan pendidikan yang lebih baik menghasilkan generasi baharu pengguna yang keperluan kewangan semakin lebih canggih. Perkembangan ini menyebabkan orientasi semula industri perbankan yang ketara, yang lebih dipacu pengguna dan lebih tertumpu terhadap keperluan pengguna. Ini telah membawa kepada penawaran produk dan perkhidmatan yang baharu kepada pengguna. Kebangkitan kepenggunaan menuntut supaya produk

dan perkhidmatan tidak lagi hanya berbentuk generik tetapi perlu disesuaikan untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah.

Dengan kebangkitan kepenggunaan, keperluan untuk mewujudkan pengguna berpengetahuan menjadi bertambah penting. Dengan sektor kewangan terus berkembang pesat dan menawarkan produk dan perkhidmatan yang canggih untuk memenuhi keperluan yang bertambah dan pelbagai, pengguna perlu menjadi lebih bijak dalam hal kewangan. Walaupun pengguna mempunyai tanggungjawab penting untuk menjadi lebih berpengetahuan, penyedia perkhidmatan kewangan, pengawal selia dan pihak berkuasa mempunyai peranan penting untuk menyediakan persekitaran yang diperlukan dan kondusif untuk memupuk pemerkasaan pengguna. Sesungguhnya, pemerkasaan pengguna bermula dengan kesedaran kewangan dan pendidikan pengguna. Ini dapat dicapai melalui peningkatan penzahiran maklumat dan peluasan jangkauan pendidikan kepada pengguna, lantas mempertingkatkan keupayaan mereka untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Pameran ini bertujuan menyediakan platform yang menyokong pemerkasaan pengguna. MYFex2007 merupakan usaha terancang untuk meningkatkan kesedaran kewangan dengan menghimpun pelbagai entiti dalam sistem kewangan termasuk industri, pengawal selia dan agensi lain yang menyediakan maklumat, saluran bagi pembelaan dan nasihat kewangan yang bertujuan mewujudkan pengguna yang berpengetahuan mengenai kewangan. Pada dasarnya, pusat sehenti ini mewujudkan peluang yang menyeluruh bagi pengguna untuk meningkatkan tahap celik kewangan mereka dan untuk peserta kewangan bertemu pengguna.

Satu teras penting Bank Negara Malaysia ialah penyertaan kewangan bagi semua pihak. Ini bertujuan memastikan setiap aktiviti ekonomi, wilayah dan segmen masyarakat mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan dan dengan itu dapat menggalakkan pertumbuhan yang lebih seimbang. Penyertaan kewangan disokong melalui beberapa strategi yang antaranya termasuk peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan, akses kepada maklumat dan khidmat nasihat kewangan serta pendidikan pengguna. Kini, 98% daripada penduduk dewasa di Malaysia mempunyai akaun simpanan. Dengan penyertaan kewangan yang lebih baik, bank perlu menyedari peranan mereka dan hubungan istimewa mereka dengan pelanggan. Pengguna berharap agar bank dapat menyediakan maklumat kewangan yang berkaitan untuk memastikan mereka dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Saluran bagi orang ramai untuk mendapatkan pembelaan juga merupakan bahagian penting jaring keselamatan kewangan. Biro Pengantaraan Kewangan menyediakan mekanisme pembelaan alternatif antara penyedia perkhidmatan dengan pengguna mengenai pertikaian kewangan. Selain itu, sejajar dengan usaha menggalakkan pengurusan kewangan yang bijak, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit menawarkan khidmat nasihat kewangan secara percuma. Ini bagi memastikan sektor isi rumah yang mampan dan berdaya tahan. Di samping itu, terdapat juga BNMLINK dan BNMTELELINK yang bertempat di Bank Negara Malaysia yang menyediakan hubungan selanjutnya dengan orang ramai.

Matlamat penyertaan kewangan juga boleh dicapai dengan sokongan institusi perbankan kerana manfaat yang diperoleh setimpal dengan usaha yang diambil. Bank dan institusi kewangan lain yang mendekati strategi perniagaan mereka dengan penuh tanggungjawab dan menjaga kepentingan pengguna akan memperoleh keuntungan jangka panjang melalui peningkatan nilai francais, pengukuhan reputasi dan perhubungan positif dengan nilai tanggungjawab sosial yang akan melahirkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai.

Keyakinan orang ramai merupakan prasyarat penting bagi kestabilan kewangan. Walau bagaimanapun, keyakinan orang ramai bukanlah sesuatu yang boleh diwujudkan dan dijangka terus kekal tanpa sebarang usaha dibuat untuk mempertingkatkannya. Keyakinan orang ramai perlu diwujudkan, dipupuk dan terus dipertingkatkan oleh semua peserta dalam sektor kewangan yang sama-sama berusaha melalui pelbagai bentuk pendekatan dan strategi. Mandat ini memerlukan usaha holistik dan dibuat secara usaha sama oleh pihak berkuasa, penyedia perkhidmatan kewangan, sektor swasta, pendidik dan persatuan berkaitan yang berada di sini pada hari ini.

Saya berasa gembira kerana dimaklumkan MYFex 2007 merupakan salah satu usaha seumpamanya. Dalam tempoh yang singkat selama 26 bulan sejak ia ditubuhkan, PIDM telah melangkaui tugas berkanunnya untuk mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai insurans deposit dan menggalakkan keyakinan orang ramai terhadap daya tahan sistem kewangan Malaysia. Mereka telah memulakan inisiatif penting untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dengan menganjurkan pameran kesedaran kewangan yang menyeluruh untuk mewujudkan pengguna yang berpengetahuan dengan tujuan untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Saya juga gembira kerana pelbagai agensi Kerajaan, peserta pasaran, dan persatuan serta badan profesional yang berkaitan mengambil bahagian dalam inisiatif kesedaran kewangan yang penting ini.

Visi untuk sektor kewangan yang berkesan, cekap dan berdaya tahan memerlukan usaha bersepadu semua pihak yang berkepentingan dalam sistem kewangan. Peserta kewangan, pengawal selia, Kerajaan dan pengguna kesemuanya mempunyai peranan yang bermakna untuk mencapai visi ini.

Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI) ke-6
'Insurans Deposit dan Perlindungan Pengguna'
Hotel Westin, Kuala Lumpur
31 Oktober 2007

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Ketika landskap kewangan antarabangsa dan dalam negeri terus mengalami proses transformasi, usaha untuk mencapai kestabilan kewangan menjadi kian mencabar. Tidak kira tahap kemajuan, sistem kewangan terus mudah terjejas oleh krisis yang telah mengakibatkan gangguan kewangan yang mempunyai kesan buruk terhadap ekonomi. Dalam keadaan ini, pengawal selia dan rangka kerja jaring keselamatan kewangan telah diuji hingga ke tahap maksimum.

Sementara globalisasi yang berlaku dengan pantas, usaha mengantarabangsakan sistem kewangan yang kian meningkat dan kemajuan dalam teknologi telah membawa manfaat dari segi meningkatkan akses kepada pasaran baharu, menggalakkan inovasi kewangan dan menambah pilihan pengguna, ia turut membawa risiko baharu kepada sistem kewangan. Pembiayaan merentas sempadan yang kian giat dan struktur kewangan yang semakin kompleks telah mewujudkan kesalinghubungan antarabangsa baharu yang meningkatkan kesalingbergantungan antarabanga. Transmisi kejutan negatif di sebuah negara ke negara-negara lain melalui sistem kewangan antarabangsa menunjukkan kemungkinan krisis kewangan dan gangguan ekonomi untuk merebak ke seluruh dunia. Kebimbangan ini telah menjadi perhatian utama sejak kebelakangan ini ekoran perkembangan dalam pasaran gadai janji subprima di Amerika Syarikat dan kesan kontagionnya terhadap sistem kewangan negara lain. Ini sesungguhnya menunjukkan bahawa dalam pasaran kewangan kini yang semakin global dan berintegrasi, peristiwa yang tampak terpencil dalam suatu segmen kecil dalam satu pasaran boleh mengakibatkan implikasi yang amat besar di pasaran kewangan lain di seluruh dunia.

Episod kegawatan kewangan baru-baru ini menunjukkan bahawa pelabur yang lebih canggih dan berpengetahuan sekalipun cenderung untuk bertindak secara keterlaluan terhadap ketidaktentuan dalam institusi kewangan. Perlu juga diakui bahawa perubahan persekitaran antarabangsa juga telah meningkatkan cabaran untuk memahami dan mengurus risiko, walaupun bagi institusi kewangan dan pihak berkuasa. Perkembangan ini juga telah menonjolkan isu keberkesanan jaring keselamatan kewangan serta pengaturan keinstitusian bagi pengawalseliaan bank.

Elemen jaring keselamatan kewangan

Dalam konteks inilah komponen jaring keselamatan kewangan, pengawalseliaan berhemat, insurans deposit, pengaturan bantuan mudah tunai, pendekatan pengurusan krisis dan rangka kerja perlindungan pengguna – terus berkembang sepanjang dekad yang lalu. Ucaptama saya pagi ini akan mengambil kira beberapa perkembangan dan cabaran yang sedang mencorakkan penentukuran jaring keselamatan kewangan dalam persekitaran semasa.

Pengawalseliaan berhemat

Pengurusan risiko yang kukuh oleh institusi perbankan, yang diperkuat oleh pengawalseliaan berhemat, kekal sebagai pertahanan barisan hadapan untuk menghadapi krisis kewangan. Dekad kebelakangan ini menyaksikan kejayaan penting dicapai pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan ke arah memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan berhemat sebagai respons terhadap sifat dan skop aktiviti perbankan yang berubah-ubah.

Sementara pemberian pinjaman dan pengambilan deposit terus menjadi tunjang utama perbankan perdagangan, profil pasaran kredit telah berubah dengan ketara. Kini, produk kredit konvensional ditawarkan di samping aktiviti pensekuritian aset dan derivatif kredit yang semakin ketara. Ini telah memberikan impak yang besar terhadap sifat perbankan. Perkembangan pesat pasaran kredit sintetik ini bersama-sama dengan keadaan lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan global yang berlanjutan, telah memperluas wahana bagi penglibatan bank dalam amalan pinjaman yang lebih agresif, yang dibiayai oleh peminjaman daripada pasaran wang borong dan oleh usaha mempakej semula dan menjual pinjaman kepada pelabur lain dalam bentuk sekuriti bersandarkan aset. Ini merupakan peralihan yang ketara daripada model perbankan lebih tradisional yang pinjaman dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit.

Cara pewujudan dan pengagihan hutang yang bertambah kompleks dalam sistem kewangan memberi implikasi yang besar terhadap kestabilan kewangan. Strategi 'originasi dan pengagihan' yang diterima pakai oleh beberapa institusi memerlukan langkah lebih komprehensif dalam menangani kesemua jenis risiko yang dihadapi oleh bank. Ini termasuk risiko kecairan, pertukaran asing dan bahaya moral (moral hazard) dalam institusi perbankan. Pendedahan kepada risiko kredit juga kini dalam bentuk yang lebih rumit, termasuk risiko pihak lain yang berkenaan dalam urus niaga derivatif dan pertukaran asing. Penilaian urus niaga kewangan dan instrumen sedemikian juga seringkali sukar untuk diukur khususnya dalam keadaan pasaran yang tidak menggalakkan. Tambahan pula, hubung kait antara risiko kredit dan risiko pasaran, di dalam dan merentas sempadan negara, telah menjadi lebih kompleks. Apa yang membimbangkan juga ialah kekurangan maklumat mengenai konsentrasi hutang dalam sistem. Ini sebahagiannya disebabkan oleh cara yang semakin canggih digunakan untuk memindahkan hutang daripada institusi asal kepada pelabur yang berbeza. Kecenderungan untuk meletakkan harga yang rendah bagi risiko kredit, khususnya semasa terdapat lebihan mudah tunai, juga menambah kebimbangan terhadap standard penajajaminan. Pembetulan harga yang mendadak berkemungkinan menyebabkan gangguan kepada ekonomi secara meluas.

Perkembangan mutakhir dalam rangka kerja pengawalseliaan berhemat telah, dan akan terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan amalan pengurusan risiko yang kukuh sejajar dengan perubahan-perubahan yang sedang berlaku. Ini termasuk perubahan terhadap piawai modal yang lebih terperinci dalam menangani pelbagai jenis risiko. Pendekatan penyeliaan global juga telah berkembang dengan penekanan yang lebih tinggi diberikan terhadap pengurusan risiko dan campur tangan awal untuk menangani risiko yang sedang muncul sebelum ia menjadi masalah yang besar. Penekanan yang lebih kuat juga diberikan terhadap harapan bahawa institusi kewangan akan memainkan peranan lebih besar untuk memastikan produk kewangan yang ditawarkan kepada pelanggan dan pelabur adalah bersesuaian dengan keperluan dan keadaan kewangan mereka, dan mereka mempunyai pemahaman yang jelas mengenai risiko yang diambil dengan pembelian produk.

Pendekatan pengawalseliaan kewangan Bank Negara Malaysia juga telah berkembang untuk mencapai rejim lebih mantap yang menekankan kepada tiga dimensi utama: **pertama**, mewujudkan budaya pengurusan risiko yang kukuh yang melapisi operasi institusi perbankan; **kedua**, mempermudah pelarasan yang didorong pasaran yang akan membolehkan industri untuk berkembang seiring dengan perkembangan pasaran dan teknologi; dan **ketiga**, memastikan dasar berhemat yang saling konsisten meliputi seluruh sektor kewangan.

Asas bagi pendekatan ini ialah peralihan ke arah peraturan berdasarkan prinsip yang lebih nyata. Fokus peraturan secara preskriptif dikurangkan dan lebih tumpuan diberikan kepada mewujudkan parameter umum untuk amalan kewangan dan perniagaan yang kukuh yang memberikan lebih kefleksibelan bagi bank untuk melaksanakan prinsip ini secara paling sesuai dalam keadaan yang khusus buat mereka. Yang penting ialah pewujudan insentif yang bersesuaian dalam sistem untuk menangani kemungkinan berlakunya herotan pasaran yang boleh menggugat kestabilan kewangan. Sebagai contoh, rangka kerja pengawalseliaan terbeza yang memberikan lebih kefleksibelan operasi dan kurang tahap campur tangan penyeliaan kepada institusi perbankan yang kukuh memberikan insentif kompetitif yang kuat bagi pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang kukuh.

Meskipun peningkatan fungsi pengawalseliaan bank mempunyai impak langsung dan ketara terhadap pengurusan risiko yang lebih baik oleh institusi perbankan, tanggungjawab utama pengurusan risiko keinstitusian yang kukuh akan terus terletak di bahu lembaga pengarah dan pengurusan kanan bank. Lembaga pengarah, dan bukannya penyelia, yang memikul tanggungjawab utama bagi prestasi bank dan kekukuhan kewangan mereka. Lembaga pengarah menentukan hala tuju bagi aktiviti pengambilan risiko institusi mereka, dan menjalankan pengawasan yang efektif untuk memastikan keputusan mereka dilaksanakan. Yang paling penting ialah perlunya bagi lembaga pengarah untuk memastikan risiko dianggarkan dengan cara yang konsisten dan tepat pada masanya, dan dibawa ke pengetahuan lembaga pengarah dengan memberi fokus kepada pengurusan risiko yang sedang muncul.

Kini, lembaga pengarah berdepan dengan cabaran tambahan untuk melaksanakan kesemua tanggungjawab itu dalam persekitaran yang pesat berubah dan amat kompetitif. Oleh itu, di banyak negara dalam tempoh kebelakangan ini, keutamaan dalam agenda pembaharuan ialah mencapai lembaga pengarah yang efektif dan mengukuhkan asas tadbir urus korporat yang mantap. Pelaksanaan Basel II, standard pelaporan kewangan baharu dan pendekatan pengawalseliaan berdasarkan prinsip juga telah meningkatkan dengan ketara kepentingan dan pergantungan kepada pertimbangan yang mantap, integriti, dan kompetensi lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Ini seterusnya menjadi pemacu utama dalam merangsang usaha untuk memperkukuh disiplin pasaran sebagai pengaruh yang menimbang balas, yang akan mengekang tindakan berisiko tinggi oleh institusi perbankan.

Walau bagaimanapun, pencapaian rangka kerja yang mempunyai gabungan yang sesuai antara insentif pengawalseliaan dan insentif yang berdasarkan pasaran, terus merupakan cabaran yang besar. Peralihan kepada disiplin yang berdasarkan pasaran boleh menjadi cabaran khusus bagi pasaran sedang membangun yang terdapat pengawalan cenderung untuk menjadi lebih preskriptif. Dalam pasaran ini, jaring keselamatan juga lebih meluas

dan toleransi terhadap kegagalan institusi adalah lebih rendah memandangkan implikasinya yang lebih mendalam terhadap keyakinan pengguna. Sebahagian besar liabiliti bank tidak diniagakan dalam pasaran. Oleh itu, pemegang hutang umumnya kurang berpeluang untuk melaksanakan disiplin pasaran. Tambahan lagi, tumpuan pasaran terhadap harga saham jangka pendek berbanding dengan kepercayaan kredit jangka panjang juga berpotensi menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Meskipun terdapat cabaran-cabaran tersebut, beberapa perkembangan positif dalam ekonomi sedang pesat membangun kebelakangan ini memberikan petanda baik untuk disiplin pasaran memainkan peranan lebih efektif dalam memperkukuh tadbir urus yang mantap. Khususnya, pembangunan pasaran kewangan telah menghasilkan pasaran yang lebih efisien dengan pilihan yang luas untuk pelabur mengenakan disiplin. Pemakaian standard pelaporan kewangan antarabangsa, usaha untuk memperkuat kebebasan juruaudit serta inisiatif keupayaan kewangan juga akan memperkukuh disiplin yang berdasarkan pasaran pada masa depan.

Kesemua inisiatif ini akan menambah baik prospek kestabilan kewangan dengan mengekang masalah daripada berlaku pada peringkat institusi individu. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku baru-baru ini dalam persekitaran kewangan antarabangsa menunjukkan aktiviti perbankan yang semakin kompleks, yang telah membawa cabaran yang lebih umum bagi pengawalseliaan kewangan dan bentuk jaring keselamatan dalam konteks pengurusan risiko sistemik. Pengawal selia telah mula membuat pertimbangan yang teliti akan keperluan untuk menyesuaikan pendekatan pengawalseliaan semasa bagi menangani dengan sewajarnya, risiko kepada sistem kewangan yang berpunca daripada institusi besar dan kompleks yang semakin terlibat dalam aktiviti bukan tradisional. Ini seterusnya mewujudkan keperluan terhadap pengawal selia kewangan dan juga institusi untuk memperdalam pemahaman mereka tentang kesalinghubungan antara sistem kewangan dengan ekonomi, khususnya transmisi makroekonomi risiko kewangan. Melangkah ke hadapan, keseimbangan tindak balas mikro (iaitu, pada peringkat institusi) dan makro (iaitu, mempengaruhi keseluruhan ekonomi) yang lebih optimum akan menjadi lebih penting dalam pengurusan risiko sistemik sedemikian.

Satu dimensi penting untuk mengurus dengan berkesan kesalinghubungan antara sistem kewangan dengan ekonomi yang semakin meningkat melibatkan pengukuhan pengaturan kerjasama antara Bank Pusat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan lain, di dalam dan luar negeri. Sesungguhnya, kerjasama, penyelarasan dan semangat setia kawan menjadi sangat penting dalam sistem yang semakin bersepadu ini. Pengaturan seumpama itu boleh merangkumi pengaturan keinstitusian yang lebih formal bagi kerjasama dalam usaha pengawasan dan pengurusan krisis serta pengaturan negara asal-negara tuan rumah (home-host) bagi penyeliaan institusi kewangan antarabangsa, dalam menyokong usaha pengenalpastian awal risiko dan campur tangan awal yang perlu dilaksanakan. Pengawasan merentas sempadan di rantau Asia khususnya telah dipertingkatkan untuk memastikan jurang maklumat dikenal pasti dan mekanisme untuk memudahkan perkongsian maklumat diwujudkan.

Usaha untuk mencapai penyelarasan antara agensi yang berkesan dalam kalangan peserta jaring keselamatan kewangan juga perlu dipertimbangkan dengan teliti dalam konteks pengurusan krisis. Tidak dapat tidak, tugas mengurus

krisis kewangan, khususnya berhubung dengan kebolehan untuk membuat keputusan yang tepat pada masanya, penyelarasan dan komunikasi menjadi bertambah kompleks apabila fungsi pemberi pinjaman terakhir, penyeliaan bank dan insurans deposit terletak pada agensi yang berlainan. Ini kerana setiap agensi berkenaan bertanggungjawab melaksanakan mandat tersendiri mereka mengikut keutamaan masing-masing. Akibatnya, isu berhubung dengan perkongsian maklumat, pembahagian kuasa, tanggungjawab, akauntabiliti dan penyelarasan dalam kalangan pelbagai agensi perlu ditangani dengan terang dan jelas sejak dari mula lagi. Mandat perundangan perlu menerangkan dengan jelas mengenai peranan dan tanggungjawab setiap pihak berkuasa. Ini akan membentuk asas penggunaan pendekatan bersepadu dan terselaras. Keperluan tindakan yang terselaras khususnya menjadi penting dalam keadaan krisis kewangan. Dengan mempunyai rangka kerja pengurusan krisis, pelaksanaan yang pantas dan efektif boleh dibuat. Isu berhubung dengan pengurusan kesalinghubungan yang berkesan antara peserta jaring keselamatan telah menonjol sejak akhir-akhir ini di United Kingdom, yang menguji rangka kerja yang fungsi pemberi pinjaman terakhir dan fungsi penyeliaan ditempatkan dalam entiti yang berasingan.

Secara perbandingan, apabila ejen tunggal seperti bank pusat diamanahkan dengan fungsi-fungsi tersebut, isu kesalinghubungan dan juga kemungkinan berlakunya konflik dan tolak ansur menjadi perkara dalaman dan akan diselesaikan merentas organisasi itu. Walau bagaimanapun, ini masih perlu bergantung pada rejim akauntabiliti yang mencukupi dalam kalangan jabatan yang berkaitan atau bahagian yang berkaitan yang bertanggungjawab bagi setiap mandat.

Pengalaman Malaysia sendiri ketika krisis kewangan Asia sepuluh tahun lalu membolehkan Bank Negara Malaysia sebagai pengawal selia tunggal untuk bertindak balas dengan pantas terhadap isu-isu kecairan dan solvensi yang dihadapi sistem kewangan. Tindakan awal yang disokong oleh program penyelesaian komprehensif telah mengurangkan dengan ketara kos menangani krisis bagi sistem kewangan dan ekonomi keseluruhan.

Baru-baru ini, Bank-bank Pusat di rantau Asia Timur telah bersama-sama menyediakan sistem pengawasan serantau yang komprehensif yang disokong oleh rangka kerja pengurusan krisis bersepadu yang komprehensif untuk menangani sebarang krisis kewangan yang bakal tercetus di rantau itu. Inisiatif-inisiatif tersebut bertujuan mencegah atau membendung secara efektif perkembangan yang boleh mencetuskan kesan ketidakstabilan, dan dengan itu menggalakkan kestabilan kewangan serantau.

Sistem insurans deposit

Berikutan penstrukturan semula dan pembaharuan sistem kewangan kami, Malaysia telah melaksanakan sistem insurans deposit sejak dua tahun yang lalu. Ini merupakan sebahagian daripada usaha kami untuk membina sistem jaring keselamatan kewangan yang padu dan saling memperkukuh. Sistem insurans deposit mempunyai peranan penting bukan sahaja dalam menggalakkan keyakinan dengan perlindungan deposit yang eksplisit, tetapi juga dalam memperkuat amalan pengurusan risiko yang kukuh. Oleh itu, sistem insurans deposit ini mempunyai ciri-ciri yang melengkapi proses pengawalseliaan dalam menggalakkan amalan pengurusan risiko yang kukuh dalam institusi kewangan. Selain itu, perbadanan insurans deposit di Malaysia juga dipertanggungjawabkan untuk mencari penyelesaian institusi kewangan yang bermasalah pada kos terendah.

Dengan itu, pendekatan yang komprehensif diterima pakai dalam penubuhan

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Untuk menggalakkan keyakinan pendeposit, skim insurans deposit dirangka untuk memastikan terdapat perlindungan optimum yang memberi manfaat bagi sebahagian besar pendeposit runcit. Dalam merangka skim insurans deposit ini, kira-kira 95% daripada jumlah bilangan pendeposit dilindungi sepenuhnya manakala kira-kira 35% daripada jumlah nilai deposit dilindungi. Satu elemen penting dalam rangka kerja ini ialah kerjasama kukuh antara penyelia dengan penginsurans deposit dalam menggalakkan disiplin dalam sistem perbankan. Sebagai penyelia, pengiktirafan diberikan terhadap amalan pengurusan risiko yang kukuh oleh institusi perbankan dengan memberi kefleksibelan perniagaan yang lebih besar kepada mereka, manakala penginsurans deposit pula, melalui sistem premium yang berbeza, memberikan insentif bagi institusi kewangan untuk menerima pakai amalan kewangan dan perniagaan yang kukuh.

Dalam menerima pakai rangka kerja ini, akauntabiliti yang jelas adalah penting dalam memastikan tiada duplikasi dalam usaha ini supaya bank tidak menanggung beban pengawalan dan keperluan pelaporan yang bertindih. Terdapat juga keperluan untuk memastikan kerjasama dan usaha sama yang rapat antara penyelia dengan penginsurans deposit untuk memastikan tindakan campur tangan dan penyelesaian yang diambil oleh penginsurans deposit tidak menjejaskan sistem kewangan secara keseluruhan. Kuasa penyelesaian ini akan digunakan oleh penginsurans deposit berikutan pemberitahuan oleh Bank Negara Malaysia bahawa sesebuah institusi anggota berkemungkinan besar tidak akan lagi berdaya maju.

Dalam konteks inilah perkongsian strategik antara Bank Negara Malaysia dengan penginsurans deposit telah dibentuk sebagai asas kerjasama bagi memastikan keselamatan dan kekukuhan sistem kewangan. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia diberi mandat dengan tanggungjawab untuk melindungi dan memastikan kestabilan sistem kewangan. Penyeliaan keseluruhan institusi kewangan terus merupakan fungsi Bank Negara Malaysia. Perjanjian Perkongsian Strategik dengan Penginsurans Deposit menyediakan kerjasama berstruktur antara Bank Negara Malaysia dengan PIDM untuk berkongsi maklumat tentang isu-isu dan perkembangan penting bagi memudahkan operasi PIDM.

Mekanisme pertukaran maklumat secara formal dan tidak formal ini telah disediakan untuk mempermudah pertukaran data dan maklumat yang tepat pada masanya, yang dapat dimanfaatkan untuk menyokong dan membolehkan PIDM memenuhi peranan yang dimandatkan kepadanya. Ini terbukti berkesan dalam mengurangkan usaha bertindih. Pertukaran maklumat ini termasuk kerjasama dan perundingan tentang peraturan penyeliaan dan berhemat yang kedua-dua agensi terlibat dari peringkat perancangan awal lagi, khususnya apabila inisiatif berkenaan memberi impak terhadap fungsi institusi-institusi berkenaan.

Rangka kerja perlindungan pengguna

Untuk melengkapi sistem insurans deposit, Bank Negara Malaysia juga menyediakan rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif yang merangkumi pendidikan kewangan, layanan adil kepada pengguna, saluran untuk mencari pembelaan, pengurusan dan pemulihan masalah kewangan serta khidmat nasihat. Ini termasuk pewujudan Biro Pengantaraan Kewangan untuk memastikan pengguna perkhidmatan kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia mempunyai mekanisme penyelesaian pertikaian yang adil. Penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit menyediakan khidmat kaunseling kredit dan bantuan menyusun semula hutang kepada individu; dan penubuhan Bank Negara Malaysia LINK dan BNMTELELINK merupakan pusat perkhidmatan pelanggan bersepadu bagi orang ramai dan perusahaan kecil dan

sederhana berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh sektor kewangan. Kesemua ini telah membawa kepada kadar penyertaan yang tinggi dalam sistem kewangan, dengan deposit kini mencakupi 160% daripada KDNK. Ini telah membolehkan perjalanan proses pengantaraan yang efisien untuk menggembleng dan menyalurkan tabungan secara efektif kepada aktiviti yang produktif, dengan itu menyokong proses pembangunan dan pertumbuhan keseluruhan.

Kesimpulan

Perkara paling penting bagi sistem kewangan yang progresif ialah keselamatan dan kekukuhan berhemat, persaingan dan perlindungan pengguna yang perlu wujud seiringan untuk memenuhi kepentingan pelbagai pihak yang berkepentingan. Sebagai pengawal selia, kita perlu mencari keseimbangan yang wajar antara penyediaan perlindungan secukupnya kepada pengguna, dengan penggalakan persaingan dan inovasi kewangan dalam sistem kewangan. Namun, gandingan usaha pengawal selia, industri dan penggunalah yang akhirnya dapat mengekalkan keyakinan pasaran dan memastikan perjalanan sistem kewangan yang berkesan dan cekap. Kesedaran akan dan komitmen terhadap tanggungjawab bersama ini bukan sahaja menyumbang kepada perubahan dalam landskap kewangan dan memelihara kestabilan kewangan, tetapi juga mempertingkatkan sumbangan keseluruhan terhadap perjalanan keseluruhan ekonomi dan memperoleh potensinya sepenuhnya.

Forum Perkhidmatan Kewangan Islam ke-2: Cabaran Eropah
'*Kewangan Islam: Melangkah ke Ufuk Baharu*'
Radisson SAS Frankfurt, Frankfurt, Jerman
5 Disember 2007

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dekad ini telah menyaksikan transformasi industri perkhidmatan kewangan yang dramatik didorong oleh kuasa globalisasi, kemajuan teknologi dan peningkatan inovasi. Sektor kewangan juga berhadapan dengan keadaan yang mudah terjejas oleh kegawatan, kesukaran dan krisis yang berkala. Pengantaraan kewangan yang sangat penting kepada proses pertumbuhan ekonomi telah menjadi semakin kompleks dan mencabar. Dalam konteks persekitaran ini, kewangan Islam terus berkembang sebagai pengantara kewangan yang berdaya maju dan kompetitif. Sejak kebelakangan ini, trend ini semakin ketara. Kini, kewangan Islam merupakan antara segmen industri perkhidmatan kewangan yang paling pantas pertumbuhannya.

Daya maju kewangan Islam lahir daripada keupayaannya untuk memenuhi permintaan ekonomi yang berubah-ubah di samping kosnya yang kompetitif. Perkembangannya turut disokong oleh rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang dirumuskan dengan baik, yang merupakan faktor penting dalam memastikan kekukuhan dan kestabilannya. Juga penting ialah usaha untuk membuat pengharmonian dalam pembangunan kewangan Islam merentas negara yang berbeza. Akhir sekali dan yang paling penting ialah prinsip tadbir urus, pengurusan risiko dan ketelusan yang jelas terpahat dalam kewangan Islam telah menyediakan asas yang telah menyumbang ke arah memastikan sistem ini berdaya maju dan mampan.

Perkembangan terkini menyaksikan pembangunan dan perkembangan industri perkhidmatan kewangan Islam memasuki fasa baharu pembangunan berikutan bertambah giatnya liberalisasi. Trend ini telah membantu proses peralihan daripada pendekatan yang lebih tertumpu kepada aktiviti dalam negeri kepada usaha merentas sempadan dari segi penyertaan kewangan yang lebih besar di negara lain dan tahap penyertaan yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan Islam, dengan itu menghasilkan aliran dana merentas sempadan yang giat. Ini telah menyumbang kepada peningkatan kesalinghubungan kewangan antarabangsa antara negara yang berbeza.

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di sini, di Frankfurt, untuk berucap di Forum Perkhidmatan Kewangan Islam ke-2: Cabaran Eropah anjuran bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) dan Institut Kestabilan Kewangan (Financial Stability Institute, FSI), dan disokong oleh Deutsche Bundesbank. Ucapan saya hari ini akan menerangkan faktor-faktor yang telah merangsang pembangunan dan kemajuan industri kewangan Islam yang menggalakkan. Ucapan saya juga akan menyentuh pengalaman Malaysia membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang kini semakin berintegrasi dengan sistem kewangan antarabangsa.

Kewangan Islam dalam Persekitaran yang Mencabar

Keperluan paling asas dalam kewangan Islam ialah urus niaga kewangan seharusnya diiringi oleh aktiviti perniagaan dan aktiviti produktif yang sebenar. Selain itu, penglibatan dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang, tidak beretika dan berunsur spekulatif tidak dibenarkan. Dalam hal inilah kewangan Islam mempunyai elemen kestabilan. Pada masa yang sama, kewangan Islam juga menggalakkan pengagihan kekayaan yang lebih adil melalui pelbagai kaedah kontrak pembiayaan Islam, terdiri daripada kontrak tokokan harga yang mudah hinggalah kontrak yang lebih berdasarkan ekuiti seperti mudharabah (perkongsian keuntungan) dan musyarakah (perkongsian keuntungan dan kerugian). Kini, kebanyakan daripada kontrak kewangan Islam ini telah digunakan dalam banyak urusan perniagaan dalam pelbagai sektor kewangan seperti perbankan, insurans, pasaran modal dan pasaran wang.

Asas kepada kewangan Islam ialah perkongsian risiko antara pembiaya (pemberi pinjaman) dan pelanggan (peminjam). Dalam pengaturan ini, usaha wajar adalah penting. Di bawah prinsip perkongsian risiko ini, institusi kewangan Islam berkongsi keuntungan atau kerugian yang ditanggung oleh usahawan berkenaan. Oleh itu, kedua-dua pihak bertanggungjawab terhadap prestasi syarikat. Dengan yang demikian, strategi untuk mengurangkan dan mengurus risiko dalam kewangan Islam melibatkan usaha mengintegrasikan risiko berkaitan dengan aktiviti perniagaan sebenar. Aktiviti perniagaan sebenar perlu menjana kekayaan yang mencukupi untuk mengimbangi risiko itu. Sebaliknya, instrumen konvensional secara amnya mengasingkan risiko daripada aset yang mendasarinya. Akibatnya, pengurusan risiko dan penjanaan kekayaan mungkin, pada masa tertentu, bergerak dalam arah berbeza atau pun bertentangan. Instrumen kewangan konvensional juga membolehkan risiko dijadikan komoditi, yang menghasilkan peningkatan bilangannya melalui berbilang lapisan leveraj dan pengagihan yang tidak seimbang. Ini seterusnya boleh mengakibatkan risiko sistemik yang lebih besar, lalu meningkatkan kemungkinan berlakunya ketidakstabilan dan penumpuan kekayaan yang tidak adil.

Dalam kewangan Islam, ketelusan merupakan rukun asas yang mendasari semua urus niaga kewangan Islam. Penyedia perkhidmatan kewangan Islam mempunyai tanggungjawab yang terkandung dalam kewangan Islam untuk mematuhi standard ketelusan yang tertentu. Ciri unik perkongsian keuntungan urus niaga kewangan Islam inilah yang mengenakan keperluan tahap penzahiran yang tinggi, yang jelas terkandung dalam kontrak kewangan. Selain itu, peranan dan tanggungjawab pembiaya dan pelanggan diterangkan dengan jelas dalam kontrak. Ketelusan ini merupakan galakan yang kuat bagi institusi kewangan Islam untuk mengurus risiko dengan sebaiknya. Penzahiran ini juga membolehkan pasaran mengenakan premium risiko yang berpatutan atas syarikat yang berkenaan, dan dengan itu mengenakan disiplin pasaran. Ini menjadi asas bagi meningkatkan peranan disiplin pasaran, dengan itu menggalakkan kestabilan kewangan.

Penerimapakaian amalan terbaik tadbir urus juga merupakan elemen yang terkandung dalam kewangan Islam, memandangkan pelbagai kontrak yang dimeterai antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan. Sebagai rakan kongsi, bank Islam perlu mengawasi kualiti tadbir urus korporat, bukan sahaja untuk mencapai prestasi perniagaan yang baik tetapi juga untuk memastikan akauntabiliti. Prinsip tadbir urus yang tersemat dalam kewangan Islam juga menyumbang dalam melindungi sistem kewangan Islam daripada sebarang kemungkinan timbulnya risiko yang dikaitkan dengan leveraj dan aktiviti kewangan berunsur spekulatif yang berlebihan. Rangka kerja tadbir urus ini juga diperkukuh oleh lembaga atau jawatankuasa Syariah yang mewakili satu lagi lapisan dalam struktur

tadbir urus untuk memastikan pengurusan institusi Islam berlandaskan prinsip Islam. Kesemua elemen ini menyediakan sekat dan imbangan (checks and balance) yang terbina secara dalaman, yang berperanan untuk memastikan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam.

Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan

Pembangunan dan perkembangan kewangan Islam juga diiringi oleh pembangunan rangka kerja pengawalseliaan yang mantap dan komprehensif. Dengan penubuhan IFSB lima tahun yang lalu, kewangan Islam telah mencapai kemajuan pesat dengan mempunyai standard kehematan dan pengawalseliaan tersendiri untuk mentadbir operasinya. Standard yang telah dikeluarkan oleh IFSB telah mengambil kira semua aspek kecukupan modal, pengurusan risiko, tadbir urus korporat, ketelusan dan disiplin pasaran serta proses kaji semula penyeliaan bagi memastikan institusi perbankan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk menangani semua risiko yang berkaitan dengan pelbagai jenis kontrak kewangan Islam.

Sungguhpun standard ini konsisten dengan standard konvensional, usaha juga telah diambil untuk mengurangkan kemungkinan berlaku arbitraj pengawalseliaan antara sistem kewangan konvensional dengan sistem kewangan Islam bagi memastikan kestabilan keseluruhan sistem kewangan tidak terjejas. IFSB juga bertemu dan menjalin hubungan dengan badan-badan penetap standard antarabangsa yang lain khususnya BIS, BCBS, IOSCO, IAIS dan FATF untuk memastikan bahawa dalam konteks penyeliaan dan pengawasan kewangan, risiko yang serupa dipantau dan ditangani secara konsisten supaya tiada jurang dalam proses penyeliaan keseluruhan. Pada masa yang sama, pembaharuan percukaian dan perundangan juga sedang dilaksanakan di beberapa negara untuk mengambil kira ciri-ciri unik urus niaga kewangan Islam.

Dengan latar belakang ini, industri kewangan Islam telah menjadi salah satu daripada segmen sistem kewangan yang paling pantas pertumbuhannya dalam sistem kewangan antarabangsa dengan anggaran pertumbuhan tahunan dalam lingkungan 15 hingga 20 peratus. Bilangan institusi kewangan Islam yang kini beroperasi di beberapa negara Islam dan negara bukan Islam juga bertambah. Jumlah aset Islam yang diurus dianggarkan melebihi 1 trilion dolar AS. Nilai dana amanah Islam dianggarkan melebihi USD300 bilion manakala terbitan sukuk berdaulat dan sukuk syarikat kini melebihi USD80 bilion.

Perubahan dan perkembangan pesat kewangan Islam juga jelas daripada pertumbuhan rangkaian produk dan perkhidmatan Islam dengan penyelesaian kewangan secara Islam sedang dibangunkan untuk memenuhi tuntutan segmen pengguna dan perniagaan yang berbeza. Ini diiringi oleh pembangunan bilangan pengantara kewangan Islam yang pelbagai termasuk perbankan, takaful (insurans Islam), pengantara pasaran modal dan institusi khusus lain yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Institusi khusus sedemikian termasuk syarikat gadai janji, syarikat jaminan kredit, insurans deposit, dana lindung nilai Islam dan skim kolektif yang berlandaskan Syariah yang lain seperti Amanah Saham, Amanah Pelaburan Harta Tanah dan Dana Didagangkan. Kami juga telah menyaksikan perubahan pesat dalam pasaran kewangan Islam termasuk pasaran wang dan pasaran modal Islam melalui pewujudan pelbagai jenis produk berstruktur dan pertumbuhan aktiviti yang ketara.

Dengan disokong oleh asas yang kukuh dan prestasi pertumbuhan yang baik yang telah dicapai, perkhidmatan kewangan Islam sekarang berada pada ambang baharu untuk terus maju sambil pada masa yang sama mengambil langkah untuk merapatkan beberapa jurang yang masih wujud. Yang penting khususnya ialah pembangunan kukuh pasaran kewangan Islam perlu diperteguh oleh pewujudan instrumen

pengurangan risiko, peningkatan inovasi produk dan kesedaran berterusan mengenai pembangunan tersebut oleh masyarakat umum, sektor perniagaan, industri perkhidmatan kewangan dan pengawal selia.

Perkembangan produk kewangan Islam yang canggih yang telah distrukturkan berlandaskan pelbagai konsep Islam akan membolehkan kita untuk memulakan inovasi baharu yang akan mengembangkan instrumen kewangan Islam menjadi produk dan perkhidmatan yang berbeza yang akan memaksimumkan potensinya. Produk dan perkhidmatan kewangan Islam sudah pun kompetitif, fleksibel dan efisien dari perspektif harga dan juga struktur produk bagi memenuhi tuntutan sektor perniagaan. Inovasi terkini, yang termasuk pengenalan dana lindung nilai Islam, pewujudan indeks tanda aras Islam dan penyenaraian instrumen kewangan Islam di bursa antarabangsa telah memperdalam pasaran kewangan Islam sebagai satu kelas aset yang menarik untuk pelaburan.

Sukuk: Kelas aset baharu yang pesat berkembang

Pasaran sukuk sedang pesat berkembang sebagai wadah pembiayaan Islam yang paling penting dan terus menerima sambutan hangat sebagai wahana untuk pemerolehan dana dan pelaburan. Pasaran sukuk sedang meningkat dengan pesatnya pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 40 peratus dengan terbitan terkumpul semasa dianggarkan sebanyak USD80 bilion. Paling ketara, 90 peratus daripada terbitan sukuk ialah terbitan syarikat. Permintaan yang kukuh terhadap sukuk juga telah dirangsang oleh paras lebihan tabungan dan rizab yang tinggi di Asia dan Timur Tengah. Di Malaysia, terbitan sukuk mengatasi terbitan bon konvensional untuk tiga tahun berturut-turut, dengan nilai jualan tahunan urus niaga sukuk dalam pasaran sekunder sebanyak kira-kira RM135 bilion.

Sukuk juga merupakan instrumen yang menarik untuk membantu institusi kewangan Islam mengurus keperluan mudah tunai mereka. Pada masa yang sama, sukuk merupakan instrumen berkesan yang digunakan oleh syarikat, institusi dan kerajaan untuk mendapatkan dana pada kadar paling kompetitif bagi membiayai keperluan dana jangka panjang mereka. Permintaan terhadap sukuk kini amat memberangsangkan seperti ditunjukkan oleh jurang yang ketara antara permintaan dengan penawaran instrumen kewangan Islam. Permintaan yang tinggi terhadap sukuk ditunjukkan oleh pengalaman banyak penerbit, yang terdapat lebihan langganan antara dua hingga tiga belas kali. Ini telah mengurangkan kos terbitan sekurang-kurangnya 10 hingga 20 mata asas. Permintaan terhadap sukuk juga datang daripada beberapa bahagian berbeza di dunia, daripada pelabur kewangan konvensional dan pelabur kewangan Islam. Memandangkan terdapat kekurangan terbitan sukuk, pelabur lebih cenderung untuk memegang sukuk sebagai pelaburan lantas menyebabkan kurangnya aktiviti sekunder dalam pasaran. Ini telah menyebabkan harga yang lebih tinggi dalam pasaran sekunder sukuk, dengan itu menjana pulangan pelaburan yang lumayan buat pelabur.

Pengalaman Malaysia dalam Pembangunan Kewangan Islam

Izinkan saya mengambil peluang ini untuk berkongsi dengan anda pengalaman Malaysia membangunkan sistem kewangan Islamnya. Sepanjang dua dekad yang lalu, Malaysia telah membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional. Sistem kewangan Islam domestik kini disokong secukupnya oleh bilangan besar pelbagai peserta dalam industri iaitu perbankan, industri takaful dan pasaran modal. Rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh dan rangka

kerja perundangan serta tadbir urus Syariah juga telah disediakan. Tahap kesedaran pengguna terhadap kewangan Islam juga semakin tinggi. Selain itu, terdapat sistem penyelesaian dan maklumat bon yang efisien. Industri kewangan Islam telah berkembang pada kadar pertumbuhan dua angka dan mencatat bahagian pasaran melebihi 12 peratus dalam sektor perbankan. Pasaran modal Islam di Malaysia pula telah berkembang menjadi salah satu pasaran modal terbesar di dunia. Lebih daripada 60 peratus daripada sukuk global diterbitkan di Malaysia. Bagi pasaran ekuiti pula, 86% daripada saham yang tersenarai merupakan saham yang berlandaskan prinsip Syariah dengan permodalan pasaran sebanyak USD193 bilion. Malaysia juga telah menstrukturkan Amanah Pelaburan Harta Tanah Islam yang pertama disenaraikan di bursa saham.

Berikutan pembangunan sistem kewangan Islam domestik yang teguh, inisiatif telah diambil untuk mempertingkatkan kepentingan dimensi antarabangsa sistem kewangan Islam. Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah liberalisasi, termasuk pengeluaran tiga lesen baharu perbankan Islam kepada peserta Islam asing yang datang dari Timur Tengah dan melalui peningkatan dalam pegangan ekuiti sehingga 49 peratus oleh kepentingan asing dalam institusi kewangan Islam kami. Dalam bidang pengurusan dana Islam, lesen akan dikeluarkan kepada entiti yang mempunyai ekuiti asing sehingga 100 peratus.

Peraturan pentadbiran pertukaran asing kami juga telah diliberalkan secara berperingkat. Sehubungan dengan itu, liberalisasi akaun modal melalui pemansuhan sekatan terhadap transaksi pertukaran asing telah menambah penyertaan asing dalam pasaran kewangan kami. Selain itu, syarikat asing boleh memperoleh dana sama ada dalam ringgit atau mata wang asing di Malaysia. Penyertaan pelabur asing dalam pasaran bon Malaysia telah juga meningkat dan kini mencakupi kira-kira 13% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul. Peningkatan penyertaan asing juga telah menambah jumlah pelabur sehingga melangkaui sempadan negara Islam. Penyertaan dalam pasaran ekuiti kini mencakupi kira-kira 20 peratus daripada pasaran. Penyertaan asing yang meningkat telah memperkukuh kesalinghubungan pasaran kami dengan pasaran kewangan antarabangsa yang lain.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kewangan Islam sedang pesat membangun sebagai pengantaraan kewangan yang berdaya maju dan kukuh. Gelombang baharu inovasi dan kesedaran serta minat yang bertambah terhadap penyelesaian kewangan secara Islam menyumbang kepada kemajuannya yang dinamik. Pengintegrasian pesat kewangan Islam ke dalam sistem kewangan antarabangsa akan juga menyumbang ke arah memperkukuh kesalinghubungan ekonomi dan kewangan global dan kami percaya ini akan mempertingkatkan prospek pencapaian pertumbuhan global yang lebih seimbang. Selain itu, pempelbagaian aliran merentas sempadan yang lebih giat ke dalam kelas aset baharu bukan sahaja akan menghasilkan pengagihan sumber merentas sempadan yang lebih efisien bahkan mempertingkatkan potensi untuk menyumbang kepada kestabilan kewangan global.

KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2007

18 Oktober 2007

Pada Persidangan Kewangan Islam 'Kewangan Islam di Asia Tenggara: Amalan Tempatan, Impak Global' di Washington D.C., Gabenor menyatakan bahawa kewangan Islam berpotensi untuk menjadi 'Laluan Sutera Baharu' yang akan mempertingkatkan hubungan ekonomi dan kewangan bukan sahaja antara Asia dengan Timur Tengah tetapi juga dengan seluruh dunia. Tambah beliau, kewangan Islam boleh menyumbang ke arah penggemblengan dan pengagihan dana yang efisien merentas rantau. Rantau yang mempunyai lebihan tabungan boleh menyalurkan dana ke rantau yang mengalami defisit tabungan bagi mewujudkan integrasi kewangan global.

29 Oktober 2007

Bank Negara Malaysia dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong mengumumkan pelaksanaan penghubung penyerahan-semasa-pembayaran (delivery-versus-payment, DvP) merentas sempadan antara sistem penyelesaian kasar masa nyata (real time gross settlement, RTGS) dolar Amerika Syarikat (AS) di Hong Kong dengan sistem RTGS Malaysia. Penghubung DvP ini akan membantu menghapuskan risiko penyelesaian bagi bon dolar AS yang diterbitkan dan diniagakan di Malaysia dengan memastikan penyerahan dolar AS di Hong Kong dan bon dolar AS di Malaysia dijalankan serentak. Perkhidmatan penyelesaian DvP ini menyediakan infrastruktur penyelesaian yang perlu bagi menyokong kemungkinan terbitan bon dolar AS pada masa depan di Malaysia. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, dan Hong Kong sebagai pusat kewangan antarabangsa.

30 Oktober 2007

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ketujuhnya memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.50 peratus. Menurut MPC, walaupun risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi perlahan boleh memberikan kesan buruk terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia, kekukuhan asas-asas ekonomi dalam negeri akan mengurangkan kesan tersebut. Tambah MPC lagi, kadar inflasi semasa di bawah paras dua peratus adalah antara yang paling rendah di rantau ini dan meskipun pelarasan harga mungkin berlaku, inflasi keseluruhan dijangka masih terbendung. Pada mesyuarat berikutnya pada 26 November, MPC mengekalkan OPR pada paras yang sama dan juga meluluskan jadual mesyuarat MPC bagi tahun 2008.

Pada Pameran Kewangan Malaysia 2007 yang dianjurkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Gabenor menyatakan bahawa penyertaan kewangan adalah teras penting dalam dasar Bank Negara Malaysia bagi memastikan setiap aktiviti ekonomi, kawasan geografi dan segmen-segmen masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan.

13 November 2007

Bank Negara Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengumumkan pengenalan Mekanisme Penggenapan kepada 5 sen terdekat untuk semua pembayaran yang dibuat di kaunter pembayaran berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 April 2008. Pelaksanaan Mekanisme Penggenapan ini dijangka memberikan faedah kepada pengguna dan peniaga. Pengguna akan dapat membuat pembayaran dengan lebih mudah dan cepat, manakala peniaga dapat mengurangkan kos pengendalian. Duit syiling 1 sen akan masih sah diperlakukan.

28 November 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia meningkat seterusnya pada kadar tahunan sebanyak 6.7% pada suku ketiga 2007, didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Permintaan dalam negeri disokong oleh aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta dan diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan dipacu oleh sektor perkhidmatan.

Bank Negara Malaysia juga mengumumkan langkah liberalisasi seterusnya peraturan pentadbiran pertukaran asing untuk mempermudah transaksi pertukaran asing oleh syarikat pemastautin yang mempunyai perolehan eksport. Berkuat kuasa dengan serta-merta, syarikat pemastautin yang mempunyai perolehan eksport dibenarkan membuat pembayaran kepada syarikat pemastautin lain dalam mata wang asing bagi penjelasan pembelian barangan dan perkhidmatan. Langkah liberalisasi ini adalah untuk mempertingkatkan daya saing Malaysia dengan mengurangkan kos pengendalian perniagaan dan risiko kadar pertukaran wang asing bagi perusahaan perniagaan di samping mempertingkatkan kecekapan pengurusan tunai oleh syarikat pemastautin.

21 Disember 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan wang kertas RM50 reka bentuk baharu sebagai memperingati Ulang Tahun ke-50 Kemerdekaan Malaysia. Reka bentuk baharu wang kertas RM50 ini merupakan denominasi pertama dalam Siri Keempat wang kertas mata wang Malaysia yang akan menggantikan siri sedia ada secara berperingkat-peringkat. Tema utama reka bentuk ini berdasarkan Misi Nasional yang teras pertamanya ialah ‘meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara’ yang menggambarkan transformasi ekonomi Malaysia kepada aktiviti ekonomi dengan nilai tambah yang lebih tinggi dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.